

# Laporan

ANUGERAH KUALITI NAIB CANSOLOR

# AKNC





اَوَّلُ رِسَالَةٍ تَكُونُ لَوَيْلَى مَارَا  
UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

# LAPORAN

## ANUGERAH KUALITI NAIB CANSELOR (AKNC)

### 2025

#### KOLEJ PENGAJIAN KEJURUTERAAN JARINGAN ALUMNI, KOMUNITI DAN KESUKARELAWAN

---

**KETUA PTJ :**

HAMIDAH BT MOHD SAMAN @ HJ MOHAMED

**KETUA UNIT KUALITI :**

MAZIDAH BINTI MUKRI

**PENYELARAS :**

NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI

**PENULIS :**

1. AZINOOR AZIDA BT ABU BAKAR
2. NORBAYA BINTI HAJI SIDEK
3. NIK HAKIMI BIN NIK ALI
4. AZRENA BINTI WAN CHIK
5. AZRENA BINTI WAN CHIK
6. AZRENA BINTI WAN CHIK
7. AZRENA BINTI WAN CHIK

8. NORLIANA BINTI SULAIMAN
9. 'AZZAH NAZIHAH BINTI CHE ABDUL RAHIM
10. NORMADYZAH BINTI AHMAD
11. ROZINA BINTI ABDUL RANI
12. IZDIHAR BINTI THARAZI
13. SAFARI BIN ZAINAL
14. SITI RAFIDAH BINTI AB RASHID
15. SITINOOOR ADEIB BINTI IDRIS
16. HARYATI BINTI DOLLAH
17. ZULKIFLI BIN OTHMAN
18. ZULKIFLI BIN OTHMAN
19. WAN NORSYAFIZAN BT W. MUHAMAD
20. NORAZLAN BIN KHALID
21. SITI WAHIDAH BINTI PUASA
22. SITI WAHIDAH BINTI PUASA
23. KANENDRA NAIDU A/L VIJYAKUMAR
24. MOHAMAD DZULHELMI BIN AMARI
25. NORHARYATI BTE SALEH
26. RAHIMI BIN BAHAROM
27. TAN HUEY LING
28. FARIZA BT HAMIDON
29. MUHAMAD NABIL BIN HIDAYAT
30. FREDDAWATI BINTI RASHIDY WONG
31. NIK ROZLIN BINTI NIK MOHD MASDEK
32. MAZIDAH BINTI MUKRI
33. MAZIDAH BINTI MUKRI
34. FATIN NAJWA BINTI MOHD NUSA
35. NURHIDAYAH BINTI HAMZAH
36. NORAZUAN BIN IMAM MAHADI
37. NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI

38. NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI
39. NORHAFIZAH BINTI IBRAHIM APANI
40. SUZANA BINTI RAMLI
41. ZULKIFLI BIN OTHMAN
42. ZULKIFLI BIN OTHMAN

## **KRITERIA 1 : KEPIMPINAN**

### **1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) yang diketuai oleh Penolong Naib Canselor (PNC) bertanggungjawab dalam menentukan hala tuju strategik KPK berpandukan kepada Pelan Perancangan Strategik. Bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) di KPK diterajui oleh dua (2) Unit. Bagi aktiviti jaringan alumni dan komuniti, ianya adalah dibawah bidang kuasa Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Manakala aktiviti kesukarelawan adalah dibawah bidang kuasa Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP). Unit ICAN diterajui oleh Dekan ICAN manakala Unit HEP diterajui oleh Dekan HEP. Dekan ICAN dan Dekan HEP disokong oleh Ketua, Koordinator dan Penyelaras disamping staf pentadbiran yang berpengalaman.

Tenaga kerja dari kedua-dua Unit ini mengerakkan aktiviti bidang tumpuan JAKK. Dalam mengerakkan aktiviti bidang tumpuan JAKK, pengurusan KPK menggunakan kaedah Model ADLI iaitu *Approach* (Pendekatan), *Deployment* (Pelaksanaan), *Learning* (Pembelajaran) dan *Integration* (Integrasi/Pengamalan dan Pembudayaan). Model ini diaplikasikan bersama dengan kaedah PDCA iaitu *Plan* (Perancangan), *Do* (Pelaksanaan), *Check* (Pemantauan) dan *Act* (Tindakan Penambahbaikan). Dalam mengerakkan pendekatan ini, nilai ESI i-DART telah diterapkan.

Pengurusan Kanan KPK merangka pendekatan strategik bagi JAKK selaras dengan objektif Universiti dan ketetapan dari Bahagian Transformasi Universiti (BTU), UiTM. Sinergi pemahaman amat penting bagi memastikan warga mempunyai kebertanggungjawaban dalam melaksanakan inisiatif menuju kearah pencapaian yang disasarkan. Kebertanggungjawaban ini disampaikan kepada semua warga KPK menerusi program-program libatsama melibatkan warga dan pemegang taruh di KPK termasuklah Amanat PNC, Minggu Akademik, Mesyuarat dan perbincangan bersama pihak luar. Ini termasuklah penganjuran aktiviti bersama pihak komuniti, industri, alumni dan agensi kerajaan bagi memastikan komponen Quadruple/Quintuple-Helix dipenuhi. Struktur pengurusan dan sumber amat penting dalam menjayakan bidang tumpuan JAKK, justeru sokongan dan keperluan sumber diberikan keutamaan. Ini termasuklah melihat dari segi kecukupan dan kompetensi sumber manusia, prasarana serta peruntukan yang mencukupi.

Bagi mengoptimalkan pendekatan strategik ini, Kepimpinan KPK menggunakan pelbagai kaedah memantau, memastikan program bidang JAKK dilaksanakan mengikut ketetapan prosedur tertentu serta mencapai objektif yang disasarkan. Antara medium pemantauan yang digunakan Pengurusan KPK adalah menerusi perbincangan dan mesyuarat di peringkat Pengajian, Pengurusan Kanan dan Pengurusan Tertinggi KPK. Dekan ICAN dan Dekan HEP diberi tanggungjawab untuk mendapat maklum balas dan dijadikan sumber kepada proses pemantauan. Pemantauan adalah berdasarkan laporan Petunjuk Prestasi (PI) yang dikeluarkan oleh pihak BTU setiap bulan, data yang dilaporkan oleh Pegawai Yang Dipertanggungjawabkan (PYB) ke dalam sistem PRIME, SMART, SmartHEP, NILAMs dan dashboard PowerBI yang disediakan oleh Universiti.

Berdasarkan maklumat melalui sistem yang dinyatakan, proses pemantauan seterusnya dapat dilakukan dengan mewujudkan pelan risiko. Pelan risiko adalah untuk mengenal pasti risiko, mengetahui punca risiko, merancang tindakan pencegahan dan merangka kaedah kawalan jika risiko berlaku dalam JAKK. Proses pemantauan berlaku di dalam Mesyuarat Jawatankuasa ICAN (JK ICAN) bagi program alumni dan komuniti. Manakala Mesyuarat Pengurusan HEP dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) memantau program kesukarelawan yang melibatkan pelajar. Hasil dapatan dari ketiga-tiga mesyuarat ini

dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK dan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Risiko yang dipengerusikan oleh PNC. Pengurusan KPK melakukan analisa penambahbaikan melalui dapatan ketiga-tiga mesyuarat serta maklumbalas yang diterima dari warga dan pemegang taruh menerusi program-program yang dilaksanakan di KPK.

## 1.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Antara kaedah yang diamalkan oleh Pengurusan Kanan KPK untuk menggerakkan bidang tumpuan adalah seperti berikut:

### a. Penetapan Perancangan Strategik JAKK KPK

Pengurusan KPK merancang aktiviti JAKK berdasarkan Perancangan Strategik Univiersiti dan sasarannya diperturunkan oleh BTU kepada KPK. KPK telah mewujudkan Pelan Tindakan Perancangan Strategik (**Lampiran 1.2.1**) selaras dengan sasaran yang diberikan dan pelan ini menjadi teras rujukan dan panduan dalam menggerakkan inisiatif strategik bidang tumpuan JAKK. Pengurusan KPK juga menyampaikan maklumat Pelan Strategik KPK kepada semua warga KPK agar mempunyai fahaman yang sama mengenai hala tuju pada program Amanat Tahun Baharu PNC dan Minggu Akademik. JK ICAN, Mesyuarat Pengurusan HEP dan Mesyuarat JKE (**Lampiran 1.2.2**) dijadikan platform terbaik dalam mendapatkan data pelaksanaan program, mengenal pasti isu semasa, merancang aktiviti akan datang serta cadangan penambahbaikan.

### b. Penyediaan sumber mencukupi dan digunakan secara efektif

Kepimpinan KPK memfokuskan kepada penyediaan sumber yang mencukupi menerusi:

#### i) Penyediaan sumber manusia yang mencukupi dan kompeten

Beberapa inisiatif bagi memastikan kecukupan dan kompetensi sumber manusia dilaksanakan di KPK seperti berikut:

- **Membuat perancangan sumber manusia**

Perancangan sumber manusia dilakukan bagi melihat kecukupan staf mengambilkira dalam bidang tujahan yang diperlukan untuk pelaksanaan program-program akademik di KPK berpandukan keperluan yang telah ditetapkan oleh *Engineering Accreditation Council* (EAC) iaitu nisbah pensyarah kepada pelajar ialah 1:20. Status terkini purata nisbah pensyarah kepada pelajar bagi semua pengajian di KPK adalah 1:16, lebih baik dari standard yang ditetapkan. Sumber manusia yang sedia ada juga digembelngkan untuk mencapai sasaran strategik. Kecukupan staf juga mengambil kira yang bakal bersara dan yang akan dihantar untuk Latihan Jangka Panjang. Setiap tahun KPK akan meneliti kecukupan staf dan permohonan jawatan baru dibuat menerusi Anggaran Bajet Perjawatan kepada Pejabat Pendaftar.

- **Mengadakan Mesyuarat Pelan Penggantian**

Mesyuarat ini diadakan bagi mengenalpasti kompetensi yang diperlukan serta calon-calon bakat (*Talent Pool*) yang boleh diketengahkan untuk menyandang jawatan utama dalam KPK. *Talent Pool* ini dimajukan ke *Institute of Leadership & Development* (ILD) untuk diberikan latihan yang bersesuaian.

- **Mengadakan perbincangan mengenai peluang peningkatan kompetensi staf**

Permohonan menganjurkan atau menyertai latihan dibincangkan dalam Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM), KPK. PPSM KPK juga berperanan untuk mengenalpasti latihan kompetensi yang diperlukan oleh staf

**(Lampiran 1.2.3 - Minit Mesyuarat Pelan Penggantian dan Minit Mesyuarat keperluan meningkatkan kompetensi).**

#### ii) Penyediaan sumber kewangan mencukupi

Pengurusan Kanan KPK menyedia peruntukan kewangan bagi menyokong aktiviti bidang tumpuan JAKK menerusi dua (2) peruntukan seperti berikut:

- i. Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) dan

ii. Tabung Amanah Am KPK

**(Lampiran 1.2.4 Minit Mesyuarat JKPAP dan Tabung Amanah Am yang meluluskan aktiviti JAKK);**

Menyedari kekangan peruntukan yang dihadapi, KPK telah mendapatkan **penajaan dari industri** terutamanya di kalangan alumni bagi menjalankan program JAKK.

**c. Perkukuhkan hubungan antara pengurusan, warga KPK dan pemegang taruh**

Pengurusan Kanan KPK memfokuskan kepada penglibatan bersama warga KPK menerusi beberapa program *engagement* untuk meningkatkan pelaksanaan program JAKK yang boleh mendapat penarafan tiga (3) bintang dan ke atas. Program *engagement* yang diadakan bersama pihak industri, komuniti dan alumni, agensi kerajaan dan pihak berkuasa tempatan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa bagi memperkukuhkan kerjasama dalam melaksanakan program JAKK **(Lampiran 1.2.5 - Aktiviti *engagement* bersama pihak luar).**

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_K01\\_KB02\\_20251\\_Lampiran 1.2.1 Pelan Tindakan Perancangan Strategik.pdf](#)
2. [B0081\\_K01\\_KB02\\_20252\\_Lampiran 1.2.2 Amanat PNC, Minggu Akademik dan Minit Mesyuarat.pdf](#)
3. [B0081\\_K01\\_KB02\\_20253\\_Lampiran 1.2.3 - Minit Mesyuarat Pelan Penggantian dan Minit Mesyuarat Keperluan Kompetensi.pdf](#)
4. [B0081\\_K01\\_KB02\\_20254\\_Lampiran 1.2.4 Minit Mesyuarat JKPAP dan Tabung Amanah Am yang meluluskan aktiviti JAKK.pdf](#)
5. [B0081\\_K01\\_KB02\\_20255\\_Lampiran 1.2.5 Aktiviti Engagement Bersama Pihak Luar .pdf](#)

### 1.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pengurusan KPK melaksanakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang tumpuan JAKK melalui kaedah yang dihuraikan seperti berikut:

Pengurusan KPK telah mengadakan perbincangan bersama industri, alumni, komuniti dan agensi kerajaan dalam melaksanakan tindakan inisiatif JAKK. Contohnya bersama Pfizer, Pengurusan Sekolah, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Persatuan Alumni Kejuruteraan. Perbincangan ini merangkumi program yang akan dilaksanakan, mengenalpasti komuniti yang mendapat faedah dan penajaan (**Lampiran 1.3.1 - Gambar perbincangan**). Pelaksanaan program JAKK menekankan aspek *Sustainable Development Goals* (SDGs). Maklumbalas dari peserta diambil untuk mengetahui keberkesanan program. Contohnya, STEM yang dilaksanakan di sekolah bandar telah dipanjangkan ke sekolah luar bandar dan di kalangan sekolah pendidikan khas hasil daripada maklumbalas JPN dan Pfizer (**Lampiran 1.3.2 - Gambar Aktiviti STEM di Sekolah Luar Bandar dan Sekolah Pendidikan Khas**). Pendekatan yang sama juga diusahakan bersama pihak PETRONAS, Yayasan Telekom, Celcom dan Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kota Anggerik (**Lampiran 1.3.3 - Bukti Sumbangan**).

Selain itu, KPK juga mendapat sumbangan dalam bentuk barangan daripada industri De'Xandra yang telah menyumbang kayu dalam projek membina *EPIC Home* untuk sebuah keluarga Orang Asli yang memerlukan di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Bharu, pada 6 hingga 8 Disember 2024. Projek sukarelawan ini juga mendapat kerjasama daripada bersama kerjasama daripada Majlis Kayu-Kayan Malaysia (MTC). Ini adalah hasil usaha kepimpinan KPK yang telah berjaya mendapat kepercayaan daripada agensi kerajaan dan industri (**Lampiran 1.3.4 - Contoh Gambar Aktiviti EPIC Home**).

KPK telah menjalinkan hubungan yang rapat dengan Persatuan Alumni Kejuruteraan dengan mengadakan perjumpaann bersama Jawatankuasa Utama Persatuan untuk membincangkan kerjasama strategik untuk membantu KPK dalam melaksanakan JAKK. Perbincangan diadakan secara fizikal dan juga secara maya (*WhatsApp* Group). Hasilnya lebih ramai alumni KPK terlibat dalam aktiviti akademik sebagai panel penilai projek, keusahawanan dan juga menyumbang dari segi kewangan dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran (**Lampiran 1.3.5 - Gambar Perbincangan Bersama Alumni dan Kemudahan yang disumbang**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_K01\\_KB03\\_20251\\_Lampiran 1.3.1 Gambar perbincangan bersama pihak JPN MEGASTEM4FUN.pdf](#)
2. [B0081\\_K01\\_KB03\\_20252\\_Lampiran 1.3.2 Gambar Aktiviti STEM di Sekolah Luar Bandar dan Sekolah Pendidikan Khas.pdf](#)
3. [B0081\\_K01\\_KB03\\_20253\\_Lampiran 1.3.3 Bukti Sumbangan pihak luar i.e. PETRONAS, Yayasan Telekom, celcom dan DUN Kota Anggerik.pdf](#)
4. [B0081\\_K01\\_KB03\\_20254\\_Lampiran 1.3.4 Contoh Gambar Aktiviti EPIC Home.pdf](#)
5. [B0081\\_K01\\_KB03\\_20255\\_Lampiran 1.3.5 Gambar Perbincangan Bersama Alumni dan Kemudahan yang disumbang.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **1.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pelan Pemantauan Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Kesukarelawanan (JAKK) adalah seperti berikut:

#### **1. Mesyuarat Bulanan Jawatankuasa ICAN**

Mesyuarat Jawatankuasa ICAN dipengerusikan oleh Dekan dan diadakan setiap bulan bagi menyemak status pelaksanaan program, mengenal pasti isu semasa, serta merancang aktiviti akan datang. Pembentangan oleh Koordinator Industri, Koordinator Komuniti dan Koordinator Alumni merangkumi kertas kerja permohonan melaksanakan program, permohonan bajet dan juga laporan pasca-program, sekali gus memberi gambaran prestasi dan ruang penambahbaikan. Hasil daripada rumusan mesyuarat, Dekan ICAN akan membentangkan di mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif yang dipengerusikan oleh PNC. Begitu juga dengan aktiviti kesukarelawanan, hasil rumusan dari mesyuarat pengurusan HEP dan mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) akan dibentangkan oleh Dekan HEP ke mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif KPK (**Lampiran 1.4.1.1 - Minit Mesyuarat Jawatankuasa ICAN**).

Ketiga-tiga platform ini digunakan untuk sesi pembelajaran dan cadangan penambahbaikan. Hasil daripada maklumbalas Penasihat Projek, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan. Contoh penambahbaikan dalam bidang tumpuan JAKK adalah seperti berikut:

- i. Peruntukkan RM5000 untuk setiap pengajian bagi melaksanakan program komuniti (SULAM) (**Lampiran 1.4.1.2 - Keputusan Minit Mesyuarat JKPAP**).
- ii. Pengenalan Prosedur menjalani program komuniti supaya tidak berlaku percanggahan keputusan (**Lampiran 1.4.1.3 - Prosedur menjalani Program SULAM**)
- iii. Sistem penghantaran laporan akhir projek JAKK (**Lampiran 1.4.1.4 - Borang setuju terima kolaborasi**)
- iv. Ketetapan untuk memberi peruntukkan bagi menjalankan aktiviti SULAM antarabangsa dari Tabung Amanah Am KPK (i-SULAM)

#### **2. Laporan Pasca-Program & Analisis Media Sosial**

Setiap program dianalisis melalui laporan pasca-program yang menyentuh aspek keberkesanan, penyertaan, dan pengurusan acara. Selain itu, impak sesuatu inisiatif turut diukur melalui capaian dan interaksi media sosial rasmi ICAN. Dapatan ini menjadi asas dalam memperbaiki kelemahan dan mengekalkan kekuatan pelaksanaan aktiviti akan datang. Hasil penambahbaikan contohnya KPK hanya akan meluluskan dan memberi pembiayaan bagi projek komuniti yang mencapai tahap 3 bintang ke atas sahaja.

#### **3. Pelaporan Tahunan**

Pelaporan Tahunan komprehensif yang merangkumi jumlah jaringan baharu, jenis kolaborasi (industri, komuniti, alumni), serta impak kepada pelajar dan reputasi institusi disediakan oleh penyelarasa pada setiap penghujung tahun. Ianya akan dibentangkan dalam mesyuarat akhir tahun JAKK dan menjadi asas kepada perancangan strategik tahun berikutnya. Pendekatan ini menjadikan JAKK lebih sistematik, telus, dan berpaksikan impak (**Lampiran 1.4.1.5 - Minit mesyuarat JKE KPK**)

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20251\\_Lampiran 1.4.1.1 Minit mesyuarat JK ICAN.pdf](#)
2. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20252\\_Lampiran 1.4.1.2 Keputusan Minit Mesyuarat JKPAP.pdf](#)

3. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20253\\_Lampiran 1.4.1.3 - Prosedur menjalani program SULAM.pdf](#)
4. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20254\\_Lampiran 1.4.1.4 Borang setuju terima kolaborasi.pdf](#)
5. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC01\\_20255\\_Lampiran 1.4.1.5 - Minit mesyuarat JKE KPK.pdf](#)

## 1.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Kepimpinan KPK mengenal pasti risiko dalam pelaksanaan program melalui sistem daftar risiko. Sebagai contoh disenaraikan beberapa risiko yang telah dikenal pasti yang boleh menjejaskan keberkesanan aktiviti JAKK.

### 1. Penajaan Industri Tidak Mencukupi

Risiko kekurangan penajaan industri ditangani melalui usaha berterusan membina jaringan strategik dengan pihak industri. Melalui program seperti ICAN Santai Sharing dan Industry Day@UiTM, kerjasama berjaya dijalinan dengan organisasi seperti Dyson, Petronas, ExxonMobil, Maybank dan Tiquar Enterprise. MoU bersama Tiquar Enterprise pada 8 Oktober 2024 bagi program F1 in Schools juga menyumbang kepada promosi STEM dan penajaan sokongan industri (**Lampiran 1.4.2.1 - Usaha berterusan membina jaringan strategik dengan pihak Industri**).

### 2. Keselamatan Semasa Aktiviti Komuniti

Setiap program komuniti seperti SULAM dijalankan dengan pematuhan ketat kepada SOP keselamatan UiTM. Taklimat keselamatan awal diberi kepada peserta dan penglibatan Unit Keselamatan UiTM membantu dalam memastikan risiko fizikal dan insiden tidak diingini dapat dielakkan (**Lampiran 1.4.2.2 - Surat pematuhan SOP & penglibatan Unit Keselamatan**).

### 3. Penyertaan Alumni yang rendah

Bagi meningkatkan penglibatan alumni, program seperti *Alumni Industry Networking Session*, *Alumni Career Talk*, dan pelibatan alumni sebagai panel industri dalam ICAN Sharing diadakan secara berkala. Panggilan terbuka melalui media sosial rasmi alumni dan pangkalan data graduan turut digunakan. Disamping itu, perbincangan bersama Persatuan Alumni Kejuruteraan ditingkatkan (**Lampiran 1.4.2.3 - Poster aktiviti, senarai kehadiran, tangkap layar media sosial**).

### 4. Isu Logistik & Infrastruktur

i) Pihak pengurusan telah memastikan tempahan kemudahan seperti dewan, booth pameran, dan capaian rangkaian IT dibuat awal dengan kerjasama Unit Pengurusan Fasiliti dan Infostruktur. Rundingan teknikal juga diadakan sebelum sebarang acara dijalankan bagi memastikan segalanya berjalan lancar dan tidak berhadapan dengan sebarang permasalahan (**Lampiran 1.4.2.4 - Surat tempahan fasiliti dan bukti penglibatan Staf Teknikal**).

ii) Pengurusan Daftar Risiko Institusi

KPK menggunakan sistem atas talian *Electronic Risk Management System (e-RMS)* yang disediakan oleh UiTM untuk mendaftarkan senarai risiko KPK. Sistem ini boleh diakses melalui pautan <https://erms.uitm.edu.my>, dan membolehkan pemantauan risiko dilakukan secara sistematik dan menyeluruh oleh pihak pengurusan kanan KPK.

## **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20251\\_Lampiran 1.4.2.1 Usaha berterusan membina jaringan strategik dengan pihak industri.pdf](#)
2. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20252\\_Lampiran 1.4.2.2 Surat Pematuhan SOP & penglibatan Unit Keselamatan.pdf](#)
3. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20253\\_Lampiran 1.4.2.3 Poster aktiviti, senarai kehadiran, tangkap layar media sosial.pdf](#)
4. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC02\\_20254\\_Lampiran 1.4.2.4 Surat tempahan fasiliti dan bukti penglibatan staf teknikal.pdf](#)

5.

### 1.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kepimpinan KPK melaksanakan analisa melalui hasil tindakan penambahbaikan prestasi seperti berikut:

#### 1. Mesyuarat Penilaian dan Semakan Prestasi

Mesyuarat JK ICAN diadakan setiap bulan yang dipengerusikan oleh Dekan ICAN. Dalam sesi ini, setiap program utama seperti Industry Day, *ICAN* Santai Sharing, dan Community Engagement dibentangkan bersama laporan pelaksanaan, pencapaian indikator prestasi utama (KPI), serta cadangan penambahbaikan berdasarkan dapatan program terdahulu serta dibawa ke Mesyuarat JKE untuk kelulusan tindakan (**Lampiran 1.4.3.1 - Minit Mesyuarat JK ICAN dan Mesyuarat JKE**).

#### 2. Penganjuran Bengkel Penambahbaikan

Bengkel *PRIME* dan *SULAM* dilaksanakan setiap semester melibatkan pensyarah, Penasihat Kelab Pelajar dan rakan industri. Bengkel ini menjadi platform untuk mengenal pasti kekangan semasa dan menyusun strategi penambahbaikan dalam pelaksanaan program berimpak tinggi. Contoh-contoh program yang mendapat 3 bintang dan ke atas dijadikan rujukan untuk program yang bakal dijalankan (**Lampiran 1.4.3.2 - Atur cara bengkel, laporan Bengkel *SULAM***).

#### 3. Post-mortem Aktiviti Utama

Setiap aktiviti utama seperti *ICAN* Industry Day dan *MEGA STEM4FUN* diikuti dengan sesi post-mortem yang melibatkan AJK pelaksana dan penyelaras. Sesi ini menilai kekuatan, kelemahan dan mencadangkan penambahbaikan dari sudut logistik, pengurusan masa, komunikasi, serta penglibatan industri dan komuniti (**Lampiran 1.4.3.3 - Laporan post-mortem, ringkasan cadangan penambahbaikan, ringkasan hasil Exit Survey, tangkap layar laporan Google Form/Survey**).

#### 4. Exit Survey & Maklumbalas Peserta

Setiap program disertakan dengan soal selidik atas talian bagi mendapatkan maklum balas peserta. Hasil kaji selidik dianalisis dan dibentangkan dalam mesyuarat untuk menyokong penambahbaikan berasaskan data. Penekanan diberikan kepada aspek keberkesanan penyampaian, kesesuaian kandungan, dan nilai tambah program (**Lampiran 1.4.3.3 - Laporan post-mortem, ringkasan cadangan penambahbaikan, ringkasan hasil Exit Survey, tangkap layar laporan Google Form/Survey**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20251\\_Lampiran 1.4.3.1 Minit Mesyuarat JK ICAN dan Mesyuarat JKE.pdf](#)
2. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20252\\_Lampiran 1.4.3.2 Atur cara bengkel, laporan bengkel \*SULAM\*.pdf](#)
3. [B0081\\_K01\\_KB04\\_KC03\\_20253\\_Lampiran 1.4.3.3 Laporan post mortem.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 1.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pengurusan KPK membudayakan objektif dan inisiatif strategik yang telah dirancang bagi bidang JAKK adalah seperti berikut:

### **Kerjasama Strategik Industri-Alumni**

Pengurusan Kanan KPK memberi sokongan sepenuhnya kepada warga KPK yang berhasrat untuk membina kerjasama strategik industri dan alumni seperti memberi penghargaan dan pelepasan kepada warga KPK yang ingin membuat jaringan. Penghargaan diberikan melalui paparan di sosial media dan sijil penghargaan kepada mereka yang telah berjaya membuat jaringan melalui MoU dan MoA di Majlis Apresiasi Staf KPK (**Lampiran 1.5.1 - Majlis Apresiasi Staf KPK**).

### **Komuniti & Pendidikan STEM**

Pengurusan Kanan KPK membuat pengukuhan program komuniti dan Pendidikan STEM melalui pendekatan sasaran secara berperingkat bermula dari peringkat sekolah kepada peringkat kebangsaan dan seterusnya peringkat antarabangsa secara berterusan. Disamping itu pembudayaan projek komuniti melalui SULAM telah dibuktikan melalui kemenangan yang diterima oleh staf KPK di peringkat **kebangsaan dan antarabangsa (Lampiran 1.5.2 - Gambar aktiviti STEM berskala kecil dan berskala besar dan Anugerah AKRI ke London, UK)**.

### **Alumni Engagement Aktif**

KPK secara konsisten melibatkan alumni dalam pelbagai aktiviti pelajar seperti Finishing School, Career Carnival, Global Leadership Through Volunteerism, *ICAN* Santai Sharing, bengkel motivasi dan pementoran kerjaya. Disamping program diperingkat KPK, KPK juga membudayakan aktiviti alumni diperingkat antarabangsa seperti *International Engineering Students Mega Carnival*. Program ini melibatkan pelajar-pelajar luar negara yang menjalankan aktiviti di KPK. Alumni bukan sahaja dijemput sebagai penceramah jemputan, malah turut menyumbang dalam bentuk geran kecil dan peluang penempatan latihan industri kepada pelajar (**Lampiran 1.5.3 - Jemputan alumni dan gambar aktiviti**).

### **Ekosistem Kolaboratif UiTM dan Profesional**

Kepimpinan kanan KPK memupuk budaya kolaboratif antara akademia dan profesional luar melalui sesi Round Table Discussion, Forum Industri, serta pelantikan dua (2) CEO@Faculty Programme dari industri strategik. Selain itu, kolaborasi penyelidikan bersama badan profesional turut diperluaskan untuk menyokong pembangunan kepakaran (**Lampiran 1.5.4 - Aktiviti CEO@Faculty**).

### **Sekolah Anak Angkat**

KPK turut membudayakan nilai tanggungjawab sosial melalui pelaksanaan program Sekolah Anak Angkat. Program ini melibatkan aktiviti bimbingan akademik, pemerksaan STEM, dan pembangunan sahsiah pelajar sekolah luar bandar, selari dengan agenda nasional memperkasa pendidikan akar umbi (**Lampiran 1.5.5 - Aktiviti sekolah anak angkat**).

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_K01\\_KB05\\_20251\\_Lampiran 1.5.1 Majlis Apresiasi Staf KPK.pdf](#)
2. [B0081\\_K01\\_KB05\\_20252\\_Lampiran 1.5.2 Gambar aktiviti STEM berskala kecil dan berskala besar dan Anugerah AKRI ke London, UK.pdf](#)
3. [B0081\\_K01\\_KB05\\_20253\\_Lampiran 1.5.3 Jemputan alumni dan gambar aktiviti.pdf](#)
4. [B0081\\_K01\\_KB05\\_20254\\_Lampiran 1.5.4 Aktiviti CEO@Faculty.pdf](#)
5. [B0081\\_K01\\_KB05\\_20255\\_Lampiran 1.5.5 Aktiviti Sekolah Anak Angkat.pdf](#)



## **KRITERIA 2 : PERANCANGAN STRATEGIK**

### **2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Bidang tumpuan Jalinan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) merupakan komponen penting dalam membentuk ekosistem pengajian tinggi yang holistik. Ia mengukuhkan hubungan strategik antara kolej dengan industri, alumni, komuniti, agensi kerajaan dan pihak yang berkepentingan serta memberi impak positif menerusi aktiviti kesukarelawan, pemindahan ilmu dan pembangunan masyarakat. Dalam memastikan ekosistem Kolej yang holistik, ianya memerlukan perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan mengenalpasti penambahbaikan yang boleh dilakukan.

**Perancangan** dibuat untuk mewujudkan ekosistem kolaboratif antara alumni, komuniti dan KPK, menanam budaya kesukarelawan dalam kalangan warga KPK, dan meningkatkan impak sosial dan kebolehpasaran graduan melalui pengalaman langsung dalam komuniti. Perancangan dibuat dengan **menganalisa pencapaian terdahulu** Petunjuk Prestasi (PI), MyRA, Ranking, Kadar Kebolehpasaran Graduan. Beberapa instrumen bagi **mengenalpasti tindakan yang perlu ditambah baik digunakan** bagi meningkatkan ketampakan KPK di dalam dan luar negara. Pelan Strategik KPK mengambilkira Misi dan Visi UiTM, Pelan Strategik UiTM 2025, Amanat Naib Canselor, Amanat Penolong Naib Canselor KPK 2021 dan keperluan badan akreditasi *Engineering Accreditation Council* (EAC).

Secara asasnya, perancangan strategik KPK dilaksanakan **berdasarkan pendekatan ADLI (Approach, Deployment, Learning and Integration)**. Di KPK perancangan tahunan dibuat menerusi bengkel perancangan strategik tahun 2024 yang diadakan pada 26 dan 27 Januari 2024 bertempat di *Institute of Leadership & Development* (ILD) Bandar Enstek. Bengkel ini melibatkan pengurusan eksekutif KPK dan pentadbir akademik dan pentadbiran mengikut Unit. Ini menggalakan percambahan idea bukan sahaja dari unit berkenaan tetapi mengambil kira pandangan silang dengan unit-unit lain.

Pelan tindakan pelaksanaan adalah menerusi penyebaran perancangan strategik kepada pelanggan dalam dan luar KPK. Untuk **penyebarluasan kepada pelanggan dalaman** penyebaran dilakukan menerusi beberapa platform. Antaranya Amanat PNC, Bengkel Perancangan Strategik, Minggu Destini Siswa, Mesyuarat Bersama Staf Akademik (setiap semester), Mesyuarat-mesyuarat di peringkat Ehwat Akademik (HEA), Hal Ehwat Pelajar (HEP), Penyelidikan dan Inovasi (PI), dan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN).

Bagi **perluasan diperingkat luar PTJ dan antarabangsa**, hala tuju KPK diterjemahkan dalam bentuk Perancangan Strategik yang dinyatakan dalam slide-slide perjumpaan dengan agensi dan industri luar, ucapan ketika Majlis MoU atau ketika menerima lawatan lawatan luar ke KPK. Ini dapat membuka ruang platform kepada KPK mengadakan kolaborasi dan peluang jaringan komuniti antarabangsa.

Kaedah pelaksanaan dilakukan menerusi **pelantikan beserta tugas yang jelas** kepada pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan pelaksanaan perancangan strategik. Sebagai contoh pelantikan Pengarah, Pengurus Projek serta ahli diterjemahkan dalam manual Panduan Penggunaan Modul Strategic Action Plan (SAP).

Pemantauan memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik serta menjamin pencapaian hasil yang disasarkan. Dalam konteks bidang tujuhan JAKK, beberapa mekanisme pemantauan dilaksanakan seperti pemantauan **Key Performance Indicator (KPI) dan PI yang dilaporkan dalam beberapa siri mesyuarat yang penjadualan mesyuarat secara tetap**. Takwim ini turut dikongsi dengan semua Unit, **pemantauan secara digital** melalui sistem UISMS, Prime, SMART dan PowerBI serta **pemantauan menerusi risiko** yang didaftarkan dalam sistem e-RMS untuk mengenal pasti risiko sepanjang proses projek inisiatif dilaksanakan. Pelan tindakan pencegahan yang strategik mengandungi maklumat lengkap pengurusan risiko memandu KPK dalam mencapai

strategi yang direncanakan. Pencapaian dan peran tindakan yang dibentangkan seterusnya **ditambahbaik** dalam Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK yang diadakan setiap bulan yang dipengerusikan oleh PNC.

## 2.2 PENDEKATAN (APPROACH)

**Perancangan Strategik KPK 2024** dirangka selaras dengan **Pelan Strategik UiTM 2025, Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) 2030, Hala Tuju KPT 2024**, serta keperluan industri bagi memperkukuh tradisi keintelektualan.

Tiga (3) objektif utama perancangan strategik KPK ialah:

1. **Pemantapan jaringan bersama alumni** – mengukuhkan silaturahim melalui platform ilmu dan penempatan Latihan Industri, sekali gus meningkatkan kebolehpasaran graduan.
2. **Pemantapan hubungan bersama komuniti** – melalui projek komuniti berasaskan kepakaran KPK
3. **Pemerkasaan semangat kesukarelawan** – membentuk pelajar prihatin, berdaya saing dan berimpak kepada masyarakat.

Selaras dengan objektif ini, KPK melaksanakan program *Service Learning Malaysia - University For Society (SULAM)* yang merupakan salah satu keperluan wajib kursus merupakan kerjasama staf, pelajar dan industri melalui komuniti terpilih berkaitan JAKK seperti **PI005 (Bilangan Program Akademik yang Diterapkan dengan Aktiviti Pembelajaran Berteraskan Kredit Antarabangsa Baharu)**. Senarai penuh PI boleh dirujuk dalam **Lampiran 2.2.1**.

Pemantapan jaringan alumni dan komuniti serta penyuburan semangat kesukarelawan menyokong ekosistem pendidikan inklusif dan berimpak tinggi. Jaringan alumni membuka peluang kerjaya dan latihan, manakala hubungan komuniti menyokong pelaksanaan program berasaskan keperluan setempat. Penglibatan dalam kesukarelawan menyemai nilai murni seperti empati, tanggungjawab sosial dan kerjasama sekaligus membentuk sahsiah seimbang serta memperkukuh imej KPK sebagai entiti yang prihatin dan berorientasikan masyarakat. Pendekatan ini juga mengintegrasikan elemen inovasi menerusi SULAM dan penggunaan platform digital seperti media sosial serta **pemetaan data alumni**.

Strategi ini dibincang semasa **Bengkel Perancangan Strategik 2024** pada **26–27 Januari 2024** di ILD Bandar Enstek, mengambil kira penambahbaikan dan risiko tahun sebelumnya (**Lampiran 2.2.2 – Jemputan Bengkel JD dan Perancangan Strategik 2024**).

Pada tahun 2024, beberapa program yang dilaksanakan ialah **siri engagement bersama alumni**, bersifat akademik dan bukan akademik, seperti perkongsian pengalaman dan cabaran industri. Program ini direkod dan dikongsi di laman *Facebook* Alumni yang boleh dicapai menerusi <https://www.facebook.com/alumnicoeuitm> (**Lampiran 2.2.3 – Tangkap Layar Laman Sesawang Facebook alumni**). Usaha ini memperkukuh elemen perkongsian pengetahuan melalui pendedahan terus daripada alumni kepada pelajar mengenai keperluan semasa industri, amalan terbaik serta cabaran global yang dihadapi oleh profesional di luar negara.

Seterusnya, jalinan alumni diperkukuh melalui **pengumpulan dan pemetaan data alumni**, mengenal pasti alumni berpotensi sebagai pembekal dan mentor pelajar. Data-data ini digunakan untuk mengenal pasti alumni yang berpotensi menjadi pembekal kepada UiTM, serta melibatkan alumni dalam aktiviti bimbingan pelajar berasaskan kepakaran masing-masing. Usaha ini membuka ruang kepada pemeteraian kerjasama rasmi seperti **Memorandum Persefahaman (MoU) dan Memorandum Perjanjian (MoA)**. Pada tahun 2024, **4 MoA dimeterai bersama industri tempatan**, manakala **7 MoU dimeterai dengan industri antarabangsa**. Jumlah keseluruhan ialah **63 MoU/MoA tempatan** dan **12 antarabangsa** yang masih aktif pada tahun 2024 (**Lampiran 2.2.4 – Senarai MoU/MoA dan gambar majlis**).

Pelaksanaan pelan tindakan strategik (SAP) yang melibatkan bidang tumpuan JAKK dilakukan secara sinergi antara **empat (4) Pengajian dan tiga (3) Unit utama iaitu Hal Ehwal Akademik (HEA), Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP)**. Mesyuarat bersama Dekan dan Wakil Unit memastikan strategi diterjemahkan kepada

pelaksanaan oleh Koordinator dan Penyelaras untuk pelaksanaan (**Lampiran 2.2.5-Gambar Sesi Perbincangan dan Mesyuarat Pengurusan HEP**). Proses ini menyuburkan budaya perkongsian ilmu dan memastikan hala tuju strategik difahami serta dilaksanakan secara konsisten oleh semua pihak.

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_P01\\_PB02\\_20251\\_Lampiran 2.2.1\\_Senarai PI ICAN dan HEP.pdf](#)
2. [B0081\\_P01\\_PB02\\_20252\\_Lampiran 2.2.2\\_Jemputan Bengkel JD dan Perancangan Strategik KPK 2024\\_26 hingga 27 Jan 2024.pdf](#)
3. [B0081\\_P01\\_PB02\\_20253\\_Lampiran 2.2.3\\_Pautan FB AlumniCoEUiTM.pdf](#)
4. [B0081\\_P01\\_PB02\\_20254\\_Lampiran 2.2.4\\_Senarai MoUMoA dan gambar majlis.pdf](#)
5. [B0081\\_P01\\_PB02\\_20255\\_Lampiran 2. 2. 5 - Gambar-Gambar sesi perbincangan dan mesyuarat pengurusan Unit KPK.pdf](#)

## 2.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Pelaksanaan turut mengambil kira Pelan Transformasi Universiti bagi memastikan setiap lapisan warga KPK memahami dan menghayati matlamat transformasi universiti kearah kecemerlangan global.

Sebagai usaha perluasan, Bengkel Perancangan Strategik telah dianjurkan pada 26 dan 27 Januari 2024 (**Lampiran 2.3.1 - Jemputan Bengkel JD dan Perancangan Strategik 2024**) dan Amanat PNC (Penolong Naib Canselor) yang telah disampaikan kepada warga KPK pada 29 Mac 2024 (**Lampiran 2.3.2 - Jemputan dan poster Majlis Amanat PNC 2024**). Ini menjadi platform kepada semua warga KPK untuk menyelaraskan hala tuju strategik mengikut bidang tumpuan masing-masing. Kandungan amanat menekankan elemen kolaborasi, penjaan pendapatan serta pemantapan ekosistem jaringan industri. Taklimat menerusi mesyuarat dan perjumpaan di peringkat Unit dan Pengajian memastikan penyampaian lebih menyeluruh dan spesifik (**Lampiran 2.3.3 – Contoh Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif KPK**). Sesi ini memastikan objektif strategik Kolej disampaikan dengan jelas, menyemai rasa pemilikan dan tanggungjawab di kalangan staf (**Lampiran 2.3.4 - Rajah aliran penyampaian maklumat dalam pelaksanaan SAP**).

Hasil daripada sebar luas ini, terdapat 59 program komuniti, 25 program Alumni dan 57 program kesukarelawan yang berjaya dilaksanakan oleh KPK. Sebahagian daripada aktiviti bidang tumpuan JAKK diuraikan di bawah.

1. Program *Alumni Talk* : Webinar *Expanding Your Career Globally* memberi pendedahan kepada alumni KPK dan pelajar Sarjana Muda berkenaan peluang pekerjaan dan pengalaman bekerja di luar negara.
2. Program *Envirovision* : *Evaluation of Noise and Air Particles Assessments* yang melibatkan komuniti di Pasar Pagi Arengka, Pekan Baru. Program ini bertujuan untuk menilai tahap pencemaran udara dan bunyi di sekitar kawasan pasar pagi, mengkaji sumber pencemaran, langkah-langkah mengatasi untuk mengurangkan pencemaran bunyi tersebut.
3. Program *Vision Zero Community Engineering Intervention Towards Road Safety* melibatkan komuniti Andalas University, Indonesia. Tujuan program adalah untuk menerapkan elemen servis komuniti di sekitar Kota Padang, Indonesia, serta memperkuat pemindahan pengetahuan kepada masyarakat antarabangsa mengenai keselamatan jalan raya.
4. Program *Empowering Students with IoT Driven Aquaponics System for STEM Enthusiasts* diadakan di Azizstan Foundation School, Thailand. Program ini memberi peluang kepada pelajar UiTM dan pelajar Azizstan dalam memahami ilmu pertanian inovatif menggunakan teknologi hidroponik, akuaponik dan IoT.
5. *Empowering Students Renewable and Efficiency Energy for Stem Enthusiasts* di Azizstan Foundation School. Program ini memberi peluang kepada pelajar UiTM untuk berkongsi ilmu tentang cara sistem solar berfungsi dan cara sistem penghawa dingin berfungsi, selaras dengan Matlamat Pembangunan Lestari (SDG).

Perluasan juga dibuat di luar KPK menerusi beberapa siri perjumpaan, lawatan penanda arasan dengan universiti, agensi dan industri menerusi pembentangan diawal perjumpaan. Ini memberikan mesej jelas hala tuju dan sasaran yang ingin dicapai oleh KPK (**Lampiran 2.3.5 - Senarai Perjumpaan PNC bersama wakil luar beserta tarikh**).

Pendekatan yang digunakan oleh KPK terbukti dapat meningkatkan jumlah kerjasama dengan pemegang taruh menerusi MoU/MoA (universiti dan industri) dalam dan luar negara. Sebanyak 54 MoU/MoA ditandatangani dan melibatkan jumlah penglibatan pelajar dalam aktiviti dalam

dan luar negara sebanyak 1392 orang pelajar. Beberapa anugerah juga berjaya diperoleh dalam Mesyuarat MeTIC yang diadakan pada 29 hingga 30 April 2024 iaitu Anugerah Kolaborasi Alumni Terbaik, Anugerah Projek Komuniti Lestari, Anugerah Projek Penarafan 4 Bintang dan Anugerah Jaringan Antarabangsa Terbaik.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_P01\\_PB03\\_20251\\_Lampiran 2.3.1\\_\\_Jemputan Bengkel JD dan Perancangan Strategik KPK 2024\\_26 hingga 27 Jan 2024.pdf](#)
2. [B0081\\_P01\\_PB03\\_20252\\_Lampiran 2.3.2\\_\\_Jemputan dan poster Majlis Amanat PNC KPK 2024.pdf](#)
3. [B0081\\_P01\\_PB03\\_20253\\_Lampiran 2.3.3\\_\\_Contoh Minit Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan KPK.pdf](#)
4. [B0081\\_P01\\_PB03\\_20254\\_Lampiran 2.3.4\\_Rajah aliran penyampaian maklumat dalam pelaksanaan SAP.pdf](#)
5. [B0081\\_P01\\_PB03\\_20255\\_Lampiran 2.3.5\\_\\_Senarai perjumpaan PNC bersama wakil luar beserta tarikh.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **2.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan memainkan peranan penting dalam memastikan keberkesanan pelaksanaan perancangan strategik serta menjamin pencapaian hasil yang disasarkan. Dalam konteks bidang tujuhan JAKK, pemantauan dilaksanakan dan berasaskan data. Data pencapaian diambil dari laporan yang dimajukan oleh **Penasihat Projek** kepada dua (2) Unit iaitu Unit ICAN bagi Program Alumni dan Komuniti manakala Program yang berbentuk Kesukarelawan dimajukan ke Unit HEP. Dari data ini **pemantauan dilakukan oleh Dekan masing-masing dibantu oleh Ketua dan Koordinator** dan seterusnya tindakan **pembetulan dan penambahbaikan** dicadangkan untuk dilaksanakan.

Di KPK mekanisme pemantauan dibuat melalui **siri mesyuarat** oleh semua Unit di KPK yang ditakwimkan secara bulanan di awal tahun. Rumusan mesyuarat dilaporkan di platform mesyuarat tertinggi KPK iaitu **Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE)** dipengerusikan oleh PNC yang diadakan setiap bulan. Bagi meningkatkan keberhasilan, laporan dibentangkan dalam mesyuarat meliputi pencapaian indikator utama, aktiviti program, keberhasilan, serta isu pelaksanaan. (**Lampiran 2.4.1.1 - Contoh Minit Mesyuarat Jawatankuasa ICAN, Minit Mesyuarat Pengurusan HEP dan Minit Mesyuarat JKE yang berkaitan dengan Pelan Tindakan dan Elemen Penambahbaikan**). Selain itu KPK juga mengadakan Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan bagi melihat pencapaian dan menganalisa setiap tindakan bagi memastikan tindakan penambahbaikan di buat.

**Pemantauan digital yang disediakan oleh Universiti telah dimanfaatkan** iaitu UISMS, PRIME, SMART, SMARTHEP, NILAM dan PowerBI. Sistem-sistem ini dibangunkan oleh Universiti untuk melihat pencapaian PI setiap PTJ. Kemudian KPK menggunakan data dari sistem ini untuk menganalisa keberkesanan program yang melibatkan alumni dan komuniti, mengumpul dan menjejak penglibatan alumni, bilangan aktiviti komuniti, serta penyertaan pelajar dalam aktiviti kesukarelawan (**Lampiran 2.4.1.2 - Senarai sistem pemantauan beserta pautan**).

Pemantauan juga dilakukan menerusi beberapa **Key Performance Indicator** dan **Performance Indicator (PI)** yang boleh dijadikan kayu ukur serta penambahbaikan sekiranya pencapaian tidak mencapai sasaran yang disasarkan (**Lampiran 2.4.1.3 - Minit Mesyuarat JKE dan MKSP**).

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20251\\_Lampiran 2.4.1.1Mesyuarat Jawatankuasa ICAN merged.pdf](#)
2. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20252\\_Lampiran 2.4.1.2\\_Senarai Sistem Pemantauan beserta pautan.pdf](#)
3. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC01\\_20253\\_Lampiran 2. 4.1.3-Contoh Minit Mesyuarat JKE dan MKSP 02.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan program di peringkat kolej berdepan tiga risiko utama yang secara langsung menjejaskan kelangsungan aktiviti pelajar dan proses akreditasi program.

Antara risiko yang disenaraikan adalah seperti di bawah:

Kekangan kewangan menyebabkan beberapa aktiviti tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya atau terpaksa diluluskan tanpa pembiayaan. Risiko ini dinyatakan oleh Unit HEP dan Unit Pentadbiran. Kelulusan tanpa pembiayaan dikhawatiri akan mengurangkan kualiti program kerana kekangan kewangan akan menghadkan kemampuan pihak urus setia untuk menjemput penceramah yang berkualiti dan berpengalaman. Selain itu kekangan kewangan dalam penganjuran program dikhawatiri akan menjejaskan kehadiran staf kerana tiada peruntukan makan dan minum yang disediakan. Hal ini boleh menurunkan motivasi serta komitmen staf untuk hadir, sekali gus memberi kesan kepada kelancaran dan keberkesanan program.

Kerjasama alumni yang rendah turut menjadi cabaran besar kerana mereka merasakan tidak mempunyai masa untuk melibatkan diri dalam program yang diaturkan. Apabila kurang mendapat kerjasama, penglibatan alumni terbatas, sekali gus menjejaskan potensi jaringan, perkongsian pengalaman serta sokongan alumni terhadap keberkesanan program.”

Kesukaran dalam memperoleh dan mengadakan aktiviti menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) serta Memorandum Perjanjian (MoA) yang ditandatangani. Hal ini memberi impak terhadap pencapaian petunjuk prestasi (PI) seperti bilangan MoU/MoA baharu dengan rakan industri tempatan dan antarabangsa serta jumlah aktiviti di bawah kerjasama tersebut.

Dari risiko-risiko tersebut yang dikenalpasti semasa pelaksanaan SAP dan telah didaftarkan di dalam sistem e-RMS. Risiko-risiko ini juga dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Risiko yang di jalan pada bulan Februari, Julai dan November 2025.

(**Lampiran 2.4.2.1** - Senarai risiko yang berkaitan JAKK dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Analisa Risiko KPK 2024).

### **SENARAI BUKTI :**

- 1.
2. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC02\\_20252\\_Lampiran 2.4.2.1 Pendaftaran Risiko KPK dan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pemilik Risiko KPK.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### **2.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)**

Daripada senarai risiko yang di atas, Pengurusan KPK telah mengkaji dan mengenal pasti tindakan penambahbaikan yang dilakukan. Antara tindakan penambahbaikan yang dilakukan ialah:

KPK mengkaji terlebih dahulu mengkaji keberkesanan program-program yang dicadangkan yang melibatkan kewangan. Selain itu KPK menggabungkan beberapa program untuk menjimatkan kos dan perbelanjaan serta menggalakkan warga mendapatkan tajaan luar serta penstrukturan semula perancangan kewangan oleh persatuan pelajar agar pelaksanaan program dapat memberi impak yang maksimum dengan kos yang minimum.

Penambahbaikan ini dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Risiko KPK pada 15 November 2025. Mesyuarat bersetuju tahap risiko kewangan yang dinyatakan oleh Unit HEP (bagi program pelajar dan Unit Pentadbiran (bagi program melibatkan staf) telah diturunkan dari Tinggi kepada Sederhana. Manakala untuk program melibatkan staf, KPK melaksanakan program penjimatan dari segi peruntukan makan minum. KPK juga menggalakan staf mendapatkan tajaan dan menggunakan peruntukan Tabung Amanah untuk tujuan penyelidikan dan inovasi.

Bagi meningkatkan keterlibatan alumni, KPK meningkatkan jaringan komunikasi antara alumni selain mengadakan program bersifat penghargaan kepada alumni. Penglibatan alumni dalam aktiviti sosial dan kebajikan ditingkatkan untuk memperkukuhkan dan memberi nilai tambah kepada kedua-dua pihak.

Penambahbaikan ini dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Risiko KPK pada 15 November 2025. Mesyuarat bersetuju tahap risiko penglibatan alumni diturunkan dari Sederhana kepada Selesai. Penambahbaikan ini adalah berpunca dari kerjasama yang baik antara Alumni dari Pengurusan KPK.

Peningkatan jumlah Mou/MoA juga ditingkatkan menerusi kerjasama dengan alumni, industry dan komuniti dengan menggalakkan kolaborasi baharu dan memantau hubungan industri yang telah terjalin, selain memperluaskan jaringan melalui kerjasama dengan universiti antarabangsa serta meningkatkan penempatan latihan industri di luar negara.

Penambahbaikan ini turut dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Risiko KPK pada 15 November 2025. Mesyuarat bersetuju untuk mengekalkan tahap risiko dengan menyarankan pemantauan dibuat dengan lebih kerap untuk meningkatkan kerjasama dengan pemegang taruh.

Hasil dari penurunan risiko ini menampakkan hasil positif dengan peningkatan pendapatan dan sumbangan iaitu RM1,088,494.43 berbanding sasaran sebanyak RM,000,000.00. Selain itu kerjasama dengan pelbagai pihak diperingkat dalam dan luar negara serta industri juga meningkat sebanyak 719 menerusi kolaborasi penyelidikan.

**Lampiran 2.4.3.1-Minit Mesyuarat Jawatankuasa Risiko;**

**Lampiran 2.4.3.2-Minit MKSP (Penurunan Risiko-Agenda F1); dan**

**Lampiran 2.4.3.3-Pencapaian PI KPK pada Q4 setelah Pelan Tindakan dan Elemen Penambahbaikan**

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20251\\_Lampiran 2.4.3.1\\_Minit Mesyuarat JK Pemilik Risiko Penurunan Risiko BIL.3\\_2024 AKNC.pdf](#)

2. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_Lampiran 2.4.3.3\\_Pencapaian PI KPK Q4.pdf](#)
3. [B0081\\_P01\\_PB04\\_PC03\\_20253\\_Lampiran 2.4.3.3\\_Pencapaian PI KPK Q4.pdf](#)
- 4.
- 5.

## 2.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Pelaksanaan pelbagai inisiatif pembelajaran melalui pendekatan integrasi antara institusi, pelajar, komuniti dan industri telah menunjukkan impak yang signifikan terhadap perkembangan sahsiah, kemahiran insaniah dan kebolehpasaran graduan. Antara impak perancangan strategik yang mantap ialah:

### **Pencapaian *Performance Indicator (PI)***

Dengan perancangan strategik yang teratur pencapaian KPI untuk KPK melonjak dimana 82% dari KPI yang diperuntukan mencapai sasaran 90%. Dalam pembentangan prestasi *Performance Indicator* pada 21 Februari 2024, pencapaian ini telah meletakkan KPK di tempat keempat dari keseluruhan fakulti/kolej dengan jumlah markah 93.7% (**Lampiran 2.5.1**).

### **Kebolehpasaran graduan**

Hasil pelaksanaan strategi yang berkesan terbukti telah menyumbang kepada peningkatan kadar kebolehpasaran graduan KPK daripada 88.2% pada tahun 2022, 88.8% pada tahun 2023 seterusnya melonjak ke 92.1% pada tahun 2024. KPK juga memperolehi 6 bintang dalam kategori pilihan majikan dimana Pengajian Kejuruteraan Awam dinobatkan sebagai Exemplary Champion manakala pengajian Pengajian Kejuruteraan Kimia, Elektrik Elektronik dan Pengajian Kejuruteraan Mekanikal memperolehi 5 bintang dalam Ranking Kebolehpasaran Graduan (**Lampiran 2.5.2**).

### **QS World Ranking by Subject 2024**

Hasil jaringan bersama pelanggan dalaman dan luaran termasuk pemegang taruh, berjaya meletakkan KPK atas ranking Top 150 untuk Kejuruteraan Petroleum, Top 400 untuk Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Top 430 untuk Kejuruteraan Kimia dan Top 450 untuk Kejuruteraan Mekanikal. (**Lampiran 2.5.3**).

### **Hubungan dengan pemegang taruh**

KPK juga telah berjaya memperoleh dana dari pemegang taruh bagi membiayai program bersifat *University Social Responsibility programme (USR)* dan *Knowledge Transfer Program* dari pihak luar sebanyak RM 3,018,046.00 pada tahun 2024 berbanding RM 264,169.00 pada tahun 2023 dan RM250,037.00 pada tahun 2022 (**Lampiran 2.5.4 -Pencapaian PI 077 Q4 KPK**).

### **Pembentukan warga fakulti yang berketrampilan**

KPK juga telah berjaya memperoleh geran untuk tujuan penyelidikan melibatkan universiti (dalam dan luar negara) serta industri dan komuniti berjumlah RM9,818,272. Ini sekaligus dapat membuka peluang penyelidik untuk menjalankan kajian yang lebih relevan dengan keperluan pasaran dan menyumbang terus kepada penyelesaian masalah industri dan komuniti. Geran sebegini juga menggalakkan kerjasama strategik antara universiti dengan pihak industri, sekali gus memperkukuh jaringan profesional serta meningkatkan kebolehpasaran graduan melalui pendedahan kepada projek dunia sebenar (**Lampiran 2.5.5-Pencapaian dan PI 064, 065 dan 066 Q4 KPK**).

Secara keseluruhannya integrasi antara KPK, pelajar, komuniti dan industri telah menunjukkan impak yang signifikan dimana. Ini mencerminkan usaha strategik institusi dalam memperkukuh

pembelajaran berimpak tinggi (High Impact Educational Practices - HIEPs) yang bukan sahaja menjana ilmu tetapi juga membentuk keperibadian, kepimpinan dan kesiapsiagaan pelajar menghadapi dunia sebenar. Pendekatan integrasi ini bukan sahaja merapatkan jurang antara institusi dan komuniti, tetapi turut membina kepercayaan awam terhadap peranan universiti sebagai pemangkin perubahan sosial dan pembangunan mampan.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_P01\\_PB05\\_20251\\_2.5.1\\_PENCAPAIAN\\_PI\\_DAN\\_PERBANDINGAN\\_KESELURUHAN\\_\(1\).pdf](#)
2. [B0081\\_P01\\_PB05\\_20252\\_2.5.2\\_KADAR\\_KEBOLEHPASARAN\\_GRADUAN\\_KPK\\_TAHUN\\_2022\\_2023\\_DAN\\_2024\\_\(1\).pdf](#)
3. [B0081\\_P01\\_PB05\\_20253\\_2.5.3\\_2024-QS-World-University-Rankings-WUR-1024x1024\\_BOX.pdf](#)
4. [B0081\\_P01\\_PB05\\_20254\\_Lampiran\\_2.5.4-Kenaikan\\_Penajaan\\_Pihak\\_Luar\\_Knowledge\\_Transfer\\_Programme\\_\(KTP\)\\_PI077\).pdf](#)
5. [B0081\\_P01\\_PB05\\_20255\\_Lampiran\\_2.5.5-Pencapaian\\_PI\\_064,PI\\_065\\_dan\\_PI\\_066\\_Q4\\_KPK\\_\(1\).pdf](#)

## **KRITERIA 3 : TUMPUAN KEPADA PELANGGAN**

### **3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pelanggan KPK terbahagi kepada dua kategori, iaitu pelanggan dalaman yang terdiri daripada pelajar peringkat Sarjana Muda dan pasca siswazah serta pelanggan luaran seperti Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), rakan kolaborasi luar, alumni, komuniti dan industri dalam menyumbang kepada kecemerlangan jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (JAKK). Pelanggan merupakan kumpulan yang berkepentingan yang menerima manfaat daripada inisiatif yang dilaksanakan. Bagi memastikan aspirasi pelanggan dipenuhi, pelbagai pendekatan strategik telah dilaksanakan untuk mengenal pasti pelanggan yang terlibat serta memastikan faedah yang disasarkan dapat dicapai.

KPK memberi penekanan terhadap pengurusan sistem pelanggan dan operasi yang berkaitan dengan pelaksanaan program JAKK. Antara komponen utama yang diberi perhatian termasuklah penambahbaikan berterusan terhadap sistem dan prosedur kerja, serta pengukuhan hubungan kolaboratif bersama pelanggan. KPK mengambil perhatian ke atas sistem pengurusan dan pengendalian pelanggan dan operasi yang memberi jaminan ke atas keberkesanan JAKK. Antara aspek yang sentiasa diberikan perhatian ialah proses penambahbaikan proses kerja serta jalinan perhubungan dengan pelanggan yang menyumbang hasil yang diuraikan di dalam Kriteria 7.

Hubungan yang berterusan bersama pelanggan dalaman dan luaran dianggap sebagai elemen utama dalam mengekalkan kecemerlangan KPK. Pendekatan yang dilaksanakan adalah berteraskan kepada JAKK. Struktur perkhidmatan ini telah membuktikan keberkesanannya menerusi kejayaan KPK mengekalkan kecemerlangan selama tiga tahun berturut-turut (2022-2024), selari dengan Objektif Perancangan Strategik 2015-2025.

KPK telah mengenalpasti pelanggan-pelanggan strategik dalam menjayakan bidang tumpuan JAKK. Pendekatan perancangan berasaskan model *Quintuple Helix-5R* digunakan, di mana data yang dikumpulkan telah dianalisis bagi merangka strategi yang menyokong pencapaian Objektif Universiti. Berdasarkan hasil perbincangan di Mesyuarat Jawatankuasa Jaringan industri, Komuniti dan Alumni (ICAN), Mesyuarat Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) dan di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK, beberapa projek berskala besar telah dilaksanakan.

Dalam aspek jaringan alumni, beberapa program telah dilaksanakan dengan jayanya seperti program *ROUTE2PE* dan '*Alumni Giving Back*'. *ROUTE2PE* telah dilaksanakan secara bersiri dari tahun 2022 hingga 2024 dan telah berjaya melahirkan ramai jurutera profesional (Ir) di kalangan alumni KPK. Program '*Alumni Giving Back*' turut menyaksikan penglibatan ramai alumni KPK melalui sesi perkongsian kepakaran menerusi seminar dan webinar, yang memberikan banyak manfaat kepada pelajar dan pensyarah KPK. Antara program seminar yang melibatkan alumni KPK ialah '*Kickstart Electronics And IoT*', '*Energy Career Aspirations Networking Series*' (ECANS) dan '*Help for Hope*'. Manakala webinar seperti '*Expanding Your Career Globally*', dikendalikan oleh alumni KPK yang bekerja di luar negara, yang menyokong pelan menerusi *Pillar* (Tonggak) 6 iaitu '*Engaging Alumni: Strategy Highly involved with Internationally Employed alumni*'.

Bagi jaringan komuniti, antara projek berskala mega yang telah dilaksanakan ialah MEGASTEM 4FUN dan *Be Green Outreach Program*. Program-program ini turut melibatkan pelanggan luaran yang terdiri daripada pihak KPT, kolaborator luar, alumni, pensyarah komuniti serta pihak industri. SULAM merupakan projek komuniti yang mewajibkan penglibatan pelajar sebagai memenuhi salah satu syarat kerja kursus. Antara program SULAM KPK yang melibatkan komuniti ialah Projek *Rainwater Harvesting* di Sekolah Menengah Teknik Tuanku Jaafar (SMTTJ). Program ini dilaksanakan dengan kerjasama antara *National Water Research Institute of Malaysia* (NAHRIM). Dalam aspek aktiviti kesukarelawanan, projek "*Building Future*" dilaksanakan sebagai projek SULAM menerusi kursus Jurutera dalam Masyarakat.

Seksyen yang berikut memperincikan model ADLI dalam melaksanakan bidang tumpuan JAKK yang memfokuskan kepada pelanggan.

### 3.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPK mempunyai piagam pelanggan yang digunakan sebagai rujukan untuk mengenalpasti semua pelanggan dalaman dan luaran (**Lampiran 3.2.1 - Piagam Pelanggan KPK**). Piagam pelanggan ini dapat membantu KPK mengenalpasti kumpulan sasaran yang terlibat dalam bidang tumpuan JAKK. Piagam pelanggan yang tertumpu khususnya kepada Industri, Komuniti dan Alumni meliputi khidmat urusan kolaborasi dengan industri, alumni dan komuniti. Unit yang bertanggungjawab terhadap bidang tumpuan ini adalah Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) dan Hal Ehwal Pelajar (HEP). Kedua-dua Unit ini diketuai oleh seorang Dekan iaitu Dekan ICAN dan Dekan HEP. Dekan ICAN dibantu oleh tiga (3) orang Koordinator dan disokong oleh dua belas (12) Penyelaras bagi semua Pengajian. Manakala Dekan HEP dibantu oleh dua (2) orang Ketua, dua (2) orang Koordinator dan lapan (8) orang Penyelaras (**Lampiran 3.2.2 – Carta Struktur Pengurusan ICAN dan HEP**).

KPK mensasarkan tujuh (7) MoU/MoA/NDA/LoU dalam merealisasikan kerjasama dengan industry antarabangsa dan empat (4) MoA bersama industri tempatan. Empat (4) petunjuk utama prestasi yang berkaitan dengan kerjasama industri, lapan (8) petunjuk utama prestasi yang berkaitan dengan kerjasama komuniti dan dua (2) petunjuk utama prestasi yang berkaitan dengan alumni. Bahagian Transformasi Universiti (BTU) telah memberikan sasaran sebanyak 89 (PI027, PI028 dan PI032) bagi aktiviti kesukarelawanan yang melibatkan pelajar.

Daripada sasaran yang diberikan, KPK telah merancang pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan JAKK untuk memastikan sasaran tercapai. Bagi aktiviti industri, komuniti dan alumni, ianya diletakkan di bawah Unit ICAN. Manakala, bagi aktiviti kesukarelawanan, ianya diletakkan di bawah Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP). Pendekatan yang diambil adalah menyeluruh, merangkumi semua lapisan pelanggan dalaman mahupun luaran, dengan penyepaduan antara operasi akademik, pentadbiran, serta aktiviti jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Pendekatan ini bukan sahaja menyokong pembentukan ekosistem inovasi yang mampan, tetapi juga memperkukuh peranan KPK sebagai peneraju dalam pembangunan berimpak tinggi yang menjangkau sempadan akademik tradisional. Maklumat pelanggan dikumpulkan dan dianalisis melalui sesi libat urus, maklum balas program, perbincangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa ICAN, Mesyuarat JKPP dan di Mesyuarat JKE. Hasil analisis ini digunakan dalam pemantauan dan penambahbaikan bagi memastikan keselarasan antara keperluan pelanggan dengan objektif universiti.

Pendekatan *Quintuple Helix-5R* digunakan dalam usaha memastikan tanggungjawab dan objektif pelanggan KPK dapat dicapai. *Quintuple Helix-5R* merupakan salah satu penekanan dalam Amanat Naib Canselor 2024 yang menyasarkan 801 program *Knowledge Transfer Programme (KTP)* melalui 56 projek bergeran. KPK melalui Amanat Penolong Naib Canselor 2024 telah menekankan sasaran yang diperturunkan kepada KPK iaitu sebanyak 41 program *University Social Responsibilities (USR)* atau *Community Engagement (CE)* yang perlu dilaksanakan yang boleh dimanfaatkan oleh sekurang-kurangnya empat (4) komuniti.

**Lampiran 3.2.3** menunjukkan sasaran dan pencapaian KPK dalam Petunjuk Prestasi (PI) yang berkaitan *CE*, *KTP*, penajaan luar, penajaan dalaman dan komuniti yang mendapat faedah. Pada tahun 2024, KPK telah berjaya mencapai sasaran bagi empat (4) *PI* dan tiga (3) *PI* melebihi 100% pencapaian.

*Quintuple Helix-5R* memerlukan penglibatan semua lima (5) sub-sistem iaitu kerajaan, komuniti, industri, universiti dan alumni menerusi program kolaborasi berimpak sebagai usaha memperkasakan masyarakat setempat yang terhasil dari penyelidikan bagi pembangunan berterusan dalam mewujudkan persekitaran dan ekosistem yang kondusif.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_T01\\_TB02\\_20251\\_Lampiran 3.2,1 PIAGAM PELANGGAN KPK.pdf](#)

2. [B0081\\_T01\\_TB02\\_20252\\_Lampiran 3.2.2 Carta Organisasi ICAN dan HEP KPK.pdf](#)
3. [B0081\\_T01\\_TB02\\_20253\\_Lampiran 3.2.3 Sasaran dan pencapaian petunjuk prestasi.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

KPK telah melaksanakan pelbagai program JAKK yang berfokuskan kepada pelanggan. Perluasan bermula dengan pengenalan pastikan pelanggan sasaran, merangkumi pelajar (pra dan pascasiswazah), alumni, industri, komuniti dan agensi kerajaan. Pelaksanaan inisiatif ini digerakkan selaras dengan pendekatan Quintuple Helix-5R, yang menekankan kolaborasi holistik antara lima tonggak utama: universiti, industri, komuniti, kerajaan dan alam sekitar.

Berikut diuraikan lima (5) aktiviti JAKK yang menumpukan kepada pelanggan:

1. Pelbagai program yang berskala besar telah dilaksanakan antara KPK dan alumni, antaranya program *ROUTE2PE*. *ROUTE2PE* dijalankan secara bersiri dari tahun 2022 hingga 2024. Program ini berfungsi sebagai platform untuk menjadi Jurutera Profesional, yang mana ianya melibatkan pelanggan KPK iaitu graduan, pensyarah dan juga alumni KPK (**Lampiran 3.3.1**). Setiap warga akademik KPK digalakkan untuk memperolehi gelaran jurutera profesional (Ir) kerana kelayakan ini meningkatkan kredibiliti dan merupakan keperluan dalam proses akreditasi program kejuruteraan yang ditawarkan. Selain itu, program ini juga memberi peluang kepada alumni KPK di industri untuk memperkasa kerjaya mereka melalui permohonan sebagai Jurutera Profesional. Program ini juga menunjukkan komitmen KPK untuk terus menyokong pembangunan kerjaya alumni sebagai pelanggan. **Lampiran 3.3.2** memperincikan bilangan peserta yang menyertai dan berjaya menghantar dokumen ke IEM dan BEM.
2. Selain itu, program '*Alumni Giving Back*' telah diadakan sebanyak 25 siri setahun. **Lampiran 3.3.3** menunjukkan 25 pelaksanaan program dan gambar-gambar program.
3. Dari sudut jaringan komuniti, projek *MEGASTEM 4FUN* dan *Be Green* telah dijalankan dengan kerjasama agensi kerajaan, komuniti sekolah dan rakan industri. *MEGASTEM 4FUN* telah melibatkan guru-guru dari 300 sekolah terpilih di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Pendedahan dari program ini dapat memupuk minat pelajar sekolah rendah dan menengah rendah terhadap mata pelajaran yang berteraskan sains, matematik, teknologi dan kejuruteraan (STEM) melalui demonstrasi penggunaan blok elektronik, dron, teknologi tenaga hijau dan robot. Projek ini memfokuskan kepada aspek kualiti air, penyelenggaraan, penyelesaian masalah, serta pengumpulan data berkala, bagi memastikan ia menjadi satu bentuk pengalaman pembelajaran berterusan dan Lestari.
4. Selain daripada program SULAM dalam negara, KPK juga turut menjalankan SULAM antarabangsa di luar negara seperti Indonesia dan Thailand (Pattani) yang melibatkan pensyarah dan pelajar KPK. Sebagai contoh, Prof Lee Wei Koon menjadi penceramah bagi program *International Community Service* program di Universitas Jenderal Soedirman, Indonesia. Selain itu, 10 pelajar KPK bersama Prof Fadzil Arshad turut menjalani program komuniti antarabangsa di Pekan Baru, Indonesia. Inisiatif kerjasama yang ditaja Yayasan Vfive dan disokong Harista Karsa Mandiri ini bertujuan untuk memasang sistem penapis air di Masjid Nurul Jannah bagi meningkatkan kualiti air yang digunakan untuk berwuduk dan keperluan harian lain. **Lampiran 3.3.4** menunjukkan beberapa projek SULAM antarabangsa, 200% pencapaian dari sasaran.
5. Dalam aspek aktiviti kesukarelawanan, projek '*Building Future*' dilaksanakan sebagai sebahagian daripada SULAM menerusi kursus Jurutera dalam Masyarakat. Seramai 30 orang sukarelawan pelajar Kejuruteraan Awam membina Rumah EPIC (di mana kayu merupakan salah satu bahan) untuk keluarga yang memerlukan di Kampung Orang Asli Tun Abdul Razak, Kuala Kubu Bharu. Projek telah dijalankan dari 6 hingga 8 Disember 2024 kerjasama Malaysian

Home dan Majlis Perakayuan Malaysia (MTC). **Lampiran 3.3.5** menunjukkan aktiviti kesukarelawanan pelajar KPK di Kuala Kubu Baru.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_T01\\_TB03\\_20251\\_Lampiran 3.3.1 Poster ROUTE2PE.pdf](#)
2. [B0081\\_T01\\_TB03\\_20252\\_Lampiran 3.3.2 Senarai Bilangan Peserta ROUTE2PE.pdf](#)
3. [B0081\\_T01\\_TB03\\_20253\\_Lampiran 3.3.3 Program Alumni Giving Back KPK.pdf](#)
4. [B0081\\_T01\\_TB03\\_20254\\_Lampiran 3.3.4 Program SULAM Antarabangsa.pdf](#)
5. [B0081\\_T01\\_TB03\\_20255\\_Lampiran 3.3.5 Program Kesukarelawanan KPK.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **3.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Keberkesanan pelaksanaan JAKK dipantau melalui maklum balas peserta program seperti pelajar dan komuniti (**Lampiran 3.4.1.1 - Contoh Maklum Balas Program**). Tiga (3) aspek utama dikenal pasti: peruntukan kewangan, kekangan masa pelajar dan pensyarah, serta kesesuaian komuniti sasaran. Di samping itu, pemantauan juga dijalankan melalui sistem seperti PRIME, NILAM dan SMART. Bagi projek komuniti, dua (2) jenis data perlu dimasukkan: *Community Engagement* (CE) dan CE yang mendapat penarafan tiga (3) bintang ke atas. Data ini dianalisis dan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa ICAN (**Lampiran 3.4.1.2**), seterusnya tindakan penambahbaikan dibawa ke Mesyuarat JKE untuk pelaksanaan (**Lampiran 3.4.1.3**).

Kerjasama dengan industri dipantau melalui sistem NILAM 2.0 (**Lampiran 3.4.1.4**), yang merekodkan aktiviti serta status MoU/MoA. Aktiviti MoU/MoA dimasukkan oleh Peneraju yang dilantik. KPK merupakan antara PTJ yang aktif dalam bilangan dan status MoU/MoA yang masih berkuat kuasa.

Pencapaian JAKK dicapai melalui komitmen pelajar, pensyarah, pengurusan dan pihak berkepentingan. Aktiviti JAKK memberi impak positif kepada pelajar dari segi kemahiran komunikasi, pengurusan diri, kepimpinan, daya keusahawanan dan kebolehpasaran. Penglibatan dalam program komuniti dan kesukarelawan memperkukuh pengalaman pembelajaran sebenar serta membina kemahiran insaniah dan pemikiran kritis.

Borang maklum balas dan kaji selidik diedarkan kepada pelanggan bagi menilai tahap kepuasan terhadap projek. Data ini dianalisis dan dipetakan melalui UiTM2025 *Globally Respected University 2024*, yang menekankan libatsama tinggi bersama industri, komuniti dan agensi kerajaan. Menerusi sistem PRIME, data SULAM KPK dikumpulkan dan dinilai oleh ICAN Induk untuk pemberian 'star-rating' berdasarkan impak dan pelaporan lengkap.

Sebanyak **57** projek SULAM telah didaftarkan dalam PRIME. Inisiatif KaSEH (Knowledge Transfer and Social Innovation Engagement and Research Helix) UiTM turut digerakkan bagi memastikan kesemua program komuniti yang dijalankan adalah berimpak tinggi dan memberdayakan komuniti.

JAKK berperanan sebagai platform pemindahan pengetahuan yang berkesan antara akademia, industri dan masyarakat. Libatsama ini membuka peluang kolaborasi strategik, meningkatkan kesedaran terhadap bidang STEM dan memperkukuh kedudukan UiTM sebagai platform jaringan profesional yang mantap. Kesimpulannya, pemantauan terhadap program JAKK memberi manfaat besar kepada pelanggan KPK melalui pembangunan kemahiran pelajar, sokongan kerjaya alumni, pemberdayaan komuniti, serta kerjasama strategik bersama industri dan agensi, sekali gus memperkukuh jaringan, kebolehpasaran graduan dan impak sosial berterusan.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20251\\_Lampiran 3.4.1.1 Contoh Maklum Balas Program.pdf](#)
2. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20252\\_Lampiran 3.4.1.2 Minit mesyuarat Pengurusan Pejabat ICAN Bil 26 tahun 2024\\_ 14 ogos 2024.pdf](#)
3. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20253\\_Lampiran 3.4.3 Minit mesyuarat jawatankuasa eksekutif bil 2 2024\\_ 27 febuari 2024 \(1\).pdf](#)
4. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC01\\_20254\\_Lampiran 3.4.1.4 Tangkap Layar sistem NILAM.pdf](#)
- 5.

### 3.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pelaksanaan aktiviti JAKK berdepan beberapa risiko utama, termasuk pengurangan peruntukan kewangan serta kekangan tajaan bagi program komuniti seperti SULAM. Selain itu kekangan masa pelajar dan pensyarah di samping faktor kesesuaian komuniti sasaran yang kadangkala tidak memenuhi keperluan pelaksanaan program secara optimum. Situasi ini memberi impak tidak langsung kepada pelbagai pihak berkepentingan termasuk pelajar, alumni, komuniti dan pensyarah, memandangkan keseluruhan ekosistem jaringan ini bergantung kepada penyertaan aktif semua pemegang taruh.

Antara risiko lain ialah kurangnya penglibatan atau kerjasama aktif daripada alumni mewakili keempat-empat Pengajian dalam menjayakan program jaringan yang dirancang. Sebahagian syarikat alumni pula menghadapi kekangan dari segi kewangan dan sumber manusia, yang menyukarkan pelaksanaan program jaringan secara konsisten dan lestari.

Bagi mengurangkan kesan risiko ini, peruntukan dari pengurusan dan tabung amanah bagi menyokong kegiatan berkaitan alumni dan komuniti telah disediakan dan diluluskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Am dan Tabung Amanah Alumni Prihatin ( **Lampran 3.4.2.1** - Contoh minit mesyuarat Tabung Amanah Am dan Tabung Amanah Alumni Prihatin). Di dalam Mesyuarat Tabung Amanah Alumni Prihatin, langkah-langkah untuk meningkat jumlah yang ada di tabung juga dibincangkan dan disusuli dengan tindakan.

Inisiatif tambahan juga telah dilaksanakan untuk menggalakkan penglibatan aktif pensyarah dan pelajar dalam aktiviti SULAM secara komited. Pihak ICAN Induk turut menyediakan insentif melalui pemberian geran khusus bernilai RM7,000 bagi menyokong pelaksanaan program berasaskan alumni. Satu prosedur pelaksanaan projek SULAM telah diwujudkan dibawah Unit ICAN dengan kerjasama Unit HEA dan HEP bagi mengatur jadual dan tempoh pelaksanaan bermula dari penghantaran kertas kerja untuk kelulusan sehinggalah pelaksanaan projek dan seterusnya pelaporan di dalam PRIME (**Lampiran 3.4.2.2** - Prosedur Pelaksanaan SULAM). Bagi mengelakkan kesukaran mendapat komuniti sasaran yang sesuai, pihak Penasihat Projek digalakkan untuk bekerjasama dengan Pusat Khidmat Rakyat Ahli Dewan dan Pejabat Pegawai Daerah Kota Anggerik ( **Lampiran 3.4.2.3**). Kerjasama ini juga dapat membantu dari segi kewangan dan mengenalpasti komuniti yang menerima manfaat dari projek yang dijalankan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20251\\_Lampiran 3.4.2.1 Minit Mesyuarat Tabung Alumni Bil 2-2024.crdownload.pdf](#)
2. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20252\\_3.4.2.2 Prosedur Perlaksanaan SULAM.pdf](#)
3. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC02\\_20253\\_Lampiran 3.4.2.3 DANA dari Pusat Khimat Parlimen.pdf](#)
- 4.
- 5.

### 3.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Unit ICAN KPK bertanggungjawab memastikan aktiviti JAKK berada pada tahap yang terbaik. Untuk itu pemantauan prestasi dibuat berdasarkan kriteria-kriteria yang diberi oleh pihak UiTM.

Pemantauan aktiviti yang dijalankan dibuat berdasarkan indikator MyRA (*Malaysia Research Assessment Instruments* - Seksyen H), SMART, SMART HEP, PRIME, NILAM dan PowerBI. Bagi memenuhi kehendak MyRA, KPK amat memberatkan bilangan projek komuniti yang mendapat penarafan sekurang-kurangnya tiga (3) bintang (SR). Bagi tujuan ini, KPK telah mengambil inisiatif untuk memastikan setiap pensyarah yang menjalankan projek komuniti memahami keperluan untuk mencapai penarafan tiga (3) bintang dan keatas. Bengkel pengisian PRIME adalah diantara inisiatif yang telah dilaksanakan untuk memberi kefahaman kepada pensyarah yang menjalankan projek komuniti. Di dalam Amanat Penolong Naib Canselor KPK, keperluan mencapai penarafan juga ditekankan. Pemantauan prestasi pencapaian projek JAKK selaras dengan pelaporan yang perlu dihantar ke BTU iaitu secara empat (4) kali setahun.

Bagi memperkukuhkan lagi penekanan terhadap projek komuniti tiga (3) SR, KPK telah menyediakan Sijil Penghargaan dan Anugerah kepada pensyarah yang telah berjaya melaksanakan projek komuniti yang mendapat SR tiga (3) bintang dan keatas. Poster penghargaan turut diwar-warkan kepada warga KPK (**Lampiran 3.4.3.1**). Poster penghargaan turut diberikan kepada alumni yang banyak memberi sumbangan kepada KPK (**Lampiran 3.4.3.2**). Ini adalah sebahagian dari langkah penambahbaikan yang dilakukan oleh KPK dalam meningkatkan JAKK dan memberi faedah kepada pelanggan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20251\\_3.4.3.1 Poster Penghargaan Projek Komuniti mendapat SR.pdf](#)
2. [B0081\\_T01\\_TB04\\_TC03\\_20252\\_3.4.3.2 Poster Penghargaan KPK kepada Alumni.pdf](#)
- 3.
- 4.
- 5.

### 3.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Kesan penumpuan terhadap aktiviti JAKK oleh KPK dapat dilihat melalui pembudayaan yang terhasil. KPK misalnya merencanakan kutipan dana Tabung Alumni Prihatin yang membuka ruang kepada alumni yang ingin menyumbang kepada KPK.

Selain itu, aktiviti JAKK di KPK ditampakkan melalui projek komuniti bersama sekolah. Antaranya, projek komuniti yang dijalankan melibatkan pembelajaran STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Matematik) yang diusahakan oleh Prof. Ir Dr Ahmad Sabirin Zoolfakar. Program ini dijalankan menggunakan konsep TOT – train of trainers di mana warga pendidik KPK memberi pendedahan kepada warga guru sekolah rendah dan menengah sekitar Selangor dan Kuala Lumpur dalam STEM bagi menarik minat para pelajar. Melalui program 'MEGA STEM4FUN' ini, KPK turut berjaya berkolaborasi bersama nama besar seperti syarikat biofarmaseutikal global Pfizer dan *Institute of Electrical and Electronics Engineers (IEEE) Electron Devices Society (EDS) Malaysia* bagi menjayakan program yang gah ini.

Pencapaian ini selari dengan hasrat kerajaan supaya universiti bergerak ke arah kecemerlangan. Tumpuan kepada aktiviti ini seiring dengan program transformasi universiti JAKK membolehkan KPK mencapai keunggulan serantau dan global. Ini terbukti dengan sinergi hubungan baik KPK bersama alumni dan komuniti.

Tumpuan kepada aktiviti JAKK memberikan manfaat kepada pelanggan KPK iaitu pelajar, pensyarah atau rakan kolaborasi, alumni, komuniti dan industri. Tumpuan kepada bidang ini membolehkan pelajar menikmati pengalaman pembelajaran berasaskan teknologi seterusnya meningkatkan nilai tambah dan kebolehpasaran graduan. Selain itu, pelajar juga menerusi aktiviti komuniti dan kesukarelawanan dapat mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari di dalam kelas untuk menyelesaikan masalah sebenar dalam masyarakat. SULAM juga membantu meningkatkan sahsiah, kemahiran insaniah, dan kesedaran sivik pelajar. Ia juga mewujudkan kerjasama antara universiti, pelajar, masyarakat dan industri sebagai penaja serta memberi peluang kepada pelajar untuk menyumbang kepada pembangunan komuniti.

Selain pelajar, tumpuan kepada aktiviti JAKK juga dapat memberi manfaat kepada pensyarah. Pensyarah turut sama dapat berkolaborasi bersama alumni tersohor KPK dalam menjayakan program seperti *Industry Day* (**Lampiran 3.5.1**) dimana KPK telah menjemput alumni yang terlibat untuk berkongsi pengalaman bersama. Inisiatif kerjasama ini menampilkan 21 'upskilling classes' yang di terajui industri, termasuk Petronas, ExxonMobil, CelcomDigi, Bank Islam, OCBC Al-Amin, Kumpulan Penerbangan Malaysia (MAG), Talentbank, dan KPJ Healthcare yang menawarkan pembelajaran secara langsung kepada pelajar dan pensyarah. Ini secara tidak langsung, menaikkan lagi jaringan kerjasama antara pensyarah dan industri. Dari segi penambahbaikan fasiliti, KPK telah menerima lima (5) unit televisyen oleh alumni PKK (Pengajian Kejuruteraan Kimia) untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran. Lima (5) unit TV ini diletakkan di bilik kuliah bagi kegunaan dan kemudahan kepada para pensyarah dan pelajar (**Lampiran 3.5.2**).

Alumni turut tidak berkecuali dari menjadi penerima manfaat dari aktiviti JAKK. KPK secara tahunan, turut mengadakan kursus professional seperti ROUTE2PE yang menghasilkan ramai jurutera professional dengan bantuan alumni kita yang memang terlibat di IEM dan BEM. Dimana kursus seperti turut memberi penjana pendapatan kepada KPK. Menerusi program ROUTE2PE, KPK turut meraih tempat ketiga Anugerah Kolaborasi Alumni Terbaik Universiti Teknologi MARA. **Lampiran 3.5.3** menunjukkan beberapa aktiviti interaksi KPK bersama alumni. Ini membuktikan program yang dilaksanakan bersama alumni berjaya meningkatkan hubungan baik KPK dan alumni. Ukhuwah yang baik ini dapat menjana lebih banyak sumbangan daripada alumni kepada pelajar KPK.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_T01\\_TB05\\_20251\\_Lampiran 3.5.1 Gambar Industry Day.pdf](#)
2. [B0081\\_T01\\_TB05\\_20252\\_Lampiran 3.5.2 Sumbangan TV Alumni.pdf](#)
3. [B0081\\_T01\\_TB05\\_20253\\_Lampiran 3.5.3 Aktiviti Interaksi KPK bersama alumni.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 4 : PENGUKURAN, ANALISIS DAN PENGURUSAN PENGETAHUAN**

### **4.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

**Pengukuran** adalah pasak kepada proses **analisa** dan **tindakan penambahbaikan** berteraskan **Pengurusan Pengetahuan**. Dalam usaha memacu jaringan kolaborasi antara institusi, komuniti, industri dan alumni, Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) telah melaksanakan pelbagai inisiatif. KPK menitikberatkan prinsip Penambahbaikan Berterusan (*Continuous Quality Improvement, CQI*) bagi menjamin keberkesanan pelaksanaan program Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK). Petunjuk Prestasi (*Performance Indicator, PI*) telah menunjukkan peningkatan, manakala kelemahan yang dikenalpasti ditangani melalui tindakan berfokus. Pengurusan Pengetahuan dalam bidang tumpuan JAKK mengadaptasi model Pendekatan (*Approach*), Pelaksanaan (*Deployment*), Pembelajaran (*Learning*) dan Pembudayaan/Amalan (*Integration*) (ADLI).

Bagi memastikan JAKK memberi impak kepada aspirasi UiTM sebagai "Globally Renowned University", KPK telah menubuhkan Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN). Unit ICAN dan disokong oleh Unit HEP telah merangka pelan tindakan dan menyelaras pelaksanaan aktiviti bersama fakulti, kampus cawangan, pihak industri dan alumni. Program yang dirancang dipandu oleh Indikator Prestasi (PI) seperti PI005 & PI027 (fokus Program Akademik berteraskan SULAM Antarabangsa), PI019 & PI180 (fokus Alumni), serta PI075 hingga PI079 (fokus Komuniti) dan PI028 (fokus Kesukarelawan). Selain itu, pemetaan aktiviti turut melibatkan sinergi dengan agensi luar seperti PETRONAS, Pfizer dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), seterusnya membuktikan keterhubungan KPK di peringkat nasional.

Pelaksanaan program JAKK merangkumi Program Tanggungjawab Sosial Universiti (USR), Program Pindahan Ilmu (KTP), aktiviti SULAM serta kesukarelawanan. Aktiviti-aktiviti ini dijalankan melibatkan staf, pelajar, alumni, dan komuniti. KPK telah berjaya mencapai 100% pencapaian bagi PI019 dan PI180 melalui penglibatan aktif alumni dalam bidang pindahan ilmu. Prestasi luar biasa dicatatkan bagi PI077 apabila sumbangan kewangan luar mencecah lebih RM3.3 juta (2062% melebihi sasaran) diperolehi. Alumni turut menyumbang dana, tenaga kerja serta kepakaran dalam menyokong pembangunan pelajar dan komuniti. Ini mencerminkan keupayaan KPK menghubungkan pelbagai pihak dalam merealisasikan pembangunan sosial dan profesional melalui konsep Quadruple/Quintuple - Helix. Pengurusan data alumni disepadukan dengan kerjasama Unit Alumni UiTM, yang memperkukuhkan penyimpanan maklumat kebolehpasaran graduan serta rekod sumbangan alumni kepada universiti.

Instrumen seperti kajian pasca program dan sistem pelaporan dalam platform PRIME, IRMIS, IRES dan myRA digunakan untuk memantau dan merancang strategi intervensi. Laporan prestasi dibentangkan dalam Mesyuarat Bulanan ICAN dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK. Kaedah pemantauan yang digunakan termasuk penggunaan instrumen soal selidik pasca program, penyediaan carta skor bulanan bagi indikator PI005 & PI027, PI019 & PI180, PI075–PI079 dan PI028 serta pemantauan prestasi geran dan projek penyelidikan komuniti. Dapatan daripada proses pemantauan ini membolehkan KPK menilai pergerakan pencapaian, mengenal pasti jurang prestasi dan merancang intervensi bersasar.

KPK telah melaksanakan langkah-langkah penambahbaikan berasaskan dapatan pemantauan dan analisa risiko. Antara risiko utama yang dikenal pasti termasuk kelewatan pendaftaran laporan dalam SMART, ketidakpatuhan terhadap format laporan yang ditetapkan, serta kesukaran memperoleh data sumbangan alumni. Beberapa tindakan penambahbaikan telah diambil, antaranya ialah melantik Penyelaras ICAN mewakili setiap Pengajian, penyediaan templat atau laporan dan taklimat kepada penyelaras program. KPK juga telah mengintegrasikan sesi pembelajaran dan perkongsian ilmu melalui bengkel, sesi taklimat dan pelaporan impak. Kolaborasi rentas kampus memperkasa pelajar melalui penglibatan dalam

projen UiTM, peminatan sumber air dan teknologi pertanian / engineering / creation / human  
Kejuruteraan UiTM turut memberikan nilai tambah melalui program berasaskan keusahawanan  
alumni dan bimbingan kerjaya.

## 4.2 PENDEKATAN (APPROACH)

KPK telah merangka hubungan strategik dengan industri, komuniti dan alumni melalui penubuhan Unit ICAN bagi memperkukuh kecemerlangan, kelestarian dan daya saing organisasi (Lampiran 4.2.1). ICAN dibantu oleh tiga (3) Koordinator iaitu Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Setiap Koordinator dibantu oleh empat (4) Penyelaras bagi setiap pengajian. Aktiviti sukarelawan pelajar pula dipantau oleh Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP). Pelbagai pendekatan telah dilaksanakan oleh KPK untuk mencapai sasaran yang telah ditetapkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU) serta kepimpinan universiti agar aspirasi UiTM ke arah “Globally Renowned University” dan menjadi institusi pendidikan berkualiti menjadi kenyataan.

KPK menggunakan beberapa instrumen untuk menilai keberkesanan program seperti soal selidik pasca program ([Lampiran 4.2.2-1](#)), sistem SMART, Community Engagement dan Star Rating melalui sistem PRIME ([Lampiran 4.2.2-2](#)). Pangkalan data alumni dibina bersama Unit Alumni UiTM bagi memantau kebolehpasaran graduan dan penglibatan alumni ([Lampiran 4.2.2-3](#)).

Analisis data dilakukan secara kualitatif dan kuantitatif, antaranya:

- Penandaaras terhadap institusi luar. KPK menerima kunjungan dari pelbagai pihak termasuk UniSZA, Pfizer, UniKL-MIMET serta organisasi antarabangsa, Indonesia Youth Robot Association (IYRA) kerana keberkesanan model komuniti yang ditawarkan ([Lampiran 4.2.3](#)).
- Pengukuran Indikator Prestasi (PI) dan skor i-UiTM. MyRA Seksyen G serta PI075 menunjukkan peningkatan markah MyRA dan bilangan Program Komuniti iaitu dari 30 pada tahun 2022 kepada 54 aktiviti pada tahun 2023. Namun, penurunan berlaku pada 2024 kerana penilaian universiti hanya mengambil kira program bertaraf Star Rating ([Lampiran 4.2.4-1](#) dan [4.2.4-2](#)) - tren prestasi MyRA Seksyen G dan PI075).

Pengukuran indikator prestasi bagi bidang tumpuan alumni, terdapat dua PI iaitu ([Lampiran 4.2.4-3](#)):

- PI019 - Alumni terlibat dengan keusahawanan ([Lampiran 4.2.4-4](#))
- PI180 - Alumni terlibat dengan program pemindahan ilmu dan kemahiran di KPK ([Lampiran 4.2.4-5](#))

KPK mencapai 100% bagi kedua-dua PI. Seramai 75 alumni berjaya menjadi usahawan (PI019) dan dilantik sebagai mentor kepada pelajar dan sebanyak 28 program PI180 dilaksanakan. Alumni terus menyumbang kepada KPK melalui pelbagai program dan kerjasama berterusan. ([Lampiran 4.2.4-6](#)).

Bagi bidang komuniti, lima PI utama dinilai iaitu ([Lampiran 4.2.4-7](#)):

- PI075 - bilangan program tanggungjawab sosial universiti (USR). Pada tahun 2024 sebanyak empat (4) program komuniti mencapai penarafan bintang (SR) ([Lampiran 4.2.4-7](#) Jadual 4.2.1).
- PI076 - bilangan program pemindahan Ilmu (KTP). KPK telah melaksanakan enam aktiviti KTP dan merupakan PTJ yang tertinggi meraih geran KTP dengan pencapaian 150% ([Lampiran 4.2.4-7](#) Jadual 4.2.2).
- PI077 - jumlah amaun diterima (daripada luar) untuk program USR/KTP. KPK memperoleh RM3,327,500 dengan pencapaian 2062%.
- PI078 - jumlah amaun yang dibelanjakan (daripada dana sendiri) untuk program USR/KTP. Hanya RM5,387 dibelanjakan, membuktikan KPK mendapat pembiayaan luar yang menunjukkan keyakinan pihak luar untuk menaja program komuniti KPK.
- PI079 - bilangan komuniti menerima/manfaat daripada projek penyebaran pengetahuan/teknologi. KPK berjaya melaksanakan program yang memberi manfaat kepada komuniti antaranya 30,000 pelajar, 1,000 guru, murid keperluan khas, penduduk

KPK mengintegrasikan hasil analisa data melalui Mesyuarat ICAN ([Lampiran 4.2.5-1](#)), Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif ([Lampiran 4.2.5-2](#)) dan Sesi Amanat PNC ([Lampiran 4.2.5-3](#)) untuk penambahbaikan berterusan, membincangkan penemuan dan tindakan susulan. SOP amalan terbaik turut diwujudkan bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program ([Lampiran 4.2.5-4](#)). Perkongsian ilmu melalui bengkel dan taklimat turut dilakukan bagi menyokong hala tuju UiTM.

#### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_A01\\_AB02\\_20251\\_Lampiran 4.2.1 CARTA ORGANISASI KPK - ICAN.pdf](#)
2. [B0081\\_A01\\_AB02\\_20252\\_Lampiran 4.2.2 Contoh penandaaras program komuniti.PDF](#)
3. [B0081\\_A01\\_AB02\\_20253\\_Lampiran 4.2.3 Contoh soal selidik program komuniti-laporan aktiviti-data alumni.PDF](#)
4. [B0081\\_A01\\_AB02\\_20254\\_Lampiran 4.2.4 Contoh tren prestasi MyRA Seksyen G dan lain lain.pdf](#)
5. [B0081\\_A01\\_AB02\\_20255\\_Lampiran 4.2.5 Contoh Minit Mesyuarat ICAN-Minit Mesyuarat JKE dan lain-lain.pdf](#)

## **4.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)**

KPK telah memanfaatkan sepenuhnya sistem pengukuran, analisis, dan pengurusan data berkaitan jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan yang disediakan oleh pihak UiTM untuk menganalisa data bagi penambahbaikan berterusan (CQI) serta memastikan kebolehtelusan pelaporan.

### **4.3.1 Tadbir Urus Data dan Sistem**

Terdapat empat (4) sistem yang telah digunakan untuk mengisi data dan memantau pencapaian KPK iaitu SMART, PRIME dan Skor i-UiTM, selain iRES dalam konteks lebih khusus. Setiap aktiviti yang melibatkan komuniti, alumni atau sukarelawan direkodkan melalui sistem SMART dan PRIME, manakala indikator prestasi dipantau melalui platform Skor i-UiTM. Sistem iRES digunakan khusus untuk pemantauan projek komuniti berasaskan geran.

Koordinator ICAN bertanggungjawab mengemaskini data secara berjadual, menyemak ketepatan, kebolehpercayaan dan kerelevanan maklumat serta membentangkan status semasa dalam Mesyuarat Bulanan Industry, Community and Alumni Network (ICAN) ([Lampiran 4.3.1](#) - Contoh Minit Mesyuarat bulanan Pengurusan ICAN KPK). Proses ini menjamin keberkesanan pelaksanaan dengan menghubungkan rekod aktiviti ke panel pemantauan dan seterusnya dinaik taraf untuk keputusan pengurusan.

### **4.3.2 Penilaian dan Pelaporan**

Keberkesanan program dinilai melalui soal selidik pasca program yang mengukur tahap penglibatan, kepuasan peserta serta impak kepada komuniti. Dapatan tersebut dianalisis, dirumus dan dihipunkan dalam laporan suku tahunan yang merangkumi pencapaian, kekuatan, jurang dan cadangan penambahbaikan ([Lampiran 4.3.2](#) - Instrumen Soal Selidik Pasca Program dan Contoh Dapatan). Bagi aktiviti SULAM dan Sukarelawan Antarabangsa, ianya dilaporkan oleh Koordinator HEP kepada Dekan HEP dan dipantau di dalam Mesyuarat JKPAP. Kedua-dua hasil dari mesyuarat ini dibentangkan ke Mesyuarat Jawantankuasa Eksekutif (JKE) yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC) untuk pengesahan serta arahan tindakan susulan. Selain itu, Mesyuarat JKE turut merangkumi pemantauan terhadap pematuhan kepada garis panduan pelaksanaan serta ketepatan maklumat dalam sistem dokumentasi rasmi. Perbincangan dalam JKE juga membolehkan pihak pengurusan mengenal pasti jurang prestasi, memperkukuh amalan terbaik, dan menyelaraskan hala tuju strategik aktiviti jaringan alumni, komuniti dan sukarelawan ([Lampiran 4.3.3](#) - Contoh Minit Mesyuarat JKE KPK). Contoh penambahbaikan yang telah dilakukan diperincikan di dalam Seksyen 4.4.1 dan 4.4.3.

### **4.3.3 Pemantauan dan Carta Skor**

Prestasi program dipantau melalui carta skor bulanan yang menjejaki indikator utama seperti PI019 (alumni usahawan), PI180 (alumni KTP), PI075–PI079 (program komuniti). Carta ini digunakan sebagai rujukan utama dalam mesyuarat ICAN dan JKE untuk menilai pencapaian, mengesan jurang prestasi, mengukur keberkesanan program dan menetapkan pelan intervensi serta cadangan penambahbaikan yang relevan, Mekanisma ini memastikan pemantauan dilaksanakan secara berkesan dengan data yang lengkap dan sahih ([Lampiran 4.3.4](#) - Carta skor bulanan (PI019, PI180, PI075-079) dan [Lampiran 4.3.5](#) - Carta skor tahunan (PI019, PI180, PI075-079). Dari skor data ini KPK membuat penambahbaikan seperti yang diperincikan dalam Seksyen 4.4.3.

### **4.3.5 Kitaran CQI (Continuous Quality Improvement) - Plan-Do-Check-Act (PDCA)**

pelaksanaan dipantau oleh timaran UJI berdasarkan POKJ. Fasa Plan melibatkan kajian data dan penetapan sasaran, fasa Do melibatkan pelaksanaan program mengikut pelan kerja, fasa Check melibatkan analisis soal selidik dan laporan suku tahunan serta semakan di ICAN/JKPAP, manakala fasa Act melibatkan keputusan JKE yang menentukan tindakan pembetulan dan penambahbaikan. Melalui mekanisme ini, setiap pelaksanaan program KPK dipantau secara menyeluruh, disemak secara sistematik, dan ditambah baik secara berterusan bagi memastikan keberkesanan serta impak maksimum kepada semua pihak berkepentingan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_A01\\_AB03\\_20251\\_4.3.1 Contoh Minit Mesyuarat ICAN.pdf](#)
2. [B0081\\_A01\\_AB03\\_20252\\_4.3.2 Instrumen Soal Selidik Pasca Program dan Contoh Dapatan.pdf](#)
3. [B0081\\_A01\\_AB03\\_20253\\_4.3.3 Contoh Minit Mesyuarat JKE KPK.pdf](#)
4. [B0081\\_A01\\_AB03\\_20254\\_4.3.4 Carta Skor Bulanan PI KPK 2024.pdf](#)
5. [B0081\\_A01\\_AB03\\_20255\\_4.3.5 Carta Skor Tahunan PI ICAN KPK 2022-2024.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pembelajaran berlaku melalui tiga (3) kaedah iaitu Pemantauan, Analisa Risiko dan Kajian Semula dituruti dengan penambahbaikan dihuraikan di dalam Sub Seksyen berikut.

### **4.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pemantauan dijalankan melalui sistem pelaporan seperti yang telah dinyatakan di dalam Seksyen sebelum ini. Pelaporan ini disokong dengan bukti dokumentasi seperti borang soal selidik pasca program dan carta skor bulanan. Penemuan daripada pelaporan ini dibentangkan dalam bentuk tren analisis prestasi ([Lampiran 4.4.1- Contoh tren analisis prestasi bulanan](#)), dan seterusnya cadangan solusi atau intervensi dibuat melalui perbincangan dalam Mesyuarat ICAN dan Mesyuarat JKE ([Lampiran 4.4.2 - Contoh Minit Mesyuarat ICAN yang menunjukkan penambahbaikan](#)). Sebagai contoh, berdasarkan minit Mesyuarat Jawatankuasa ICAN Bil. 18/2023 bertarikh 2 November 2023, Koordinator Alumni telah memaklumkan masalah untuk mencapai PI019. Hasil daripada deliberasi mesyuarat, beberapa keputusan telah dibuat seperti ditunjukkan di dalam [Lampiran 4.4.3](#). Selain daripada itu, satu bengkel juga diadakan oleh Unit ICAN KPK dalam usaha untuk mendapatkan Geran Komuniti. Kesungguhan Ahli Jawatankuasa dibuktikan dengan penambahan bilangan penerima Geran Komuniti seperti yang ditunjukkan di [Lampiran 4.4.4. - Penerima Geran Komuniti dan KTP KPK](#).

Maklumat dan dapatan hasil pemantauan ini telah digunakan secara aktif dalam menyemak semula pendekatan pelaksanaan program dan penambahbaikan SOP ([Lampiran 4.4.5 - SOP SULAM selepas penambahbaikan](#)) seperti pelaksanaan standard pelaporan bagi aktiviti SULAM dan pengemaskinian format laporan program komuniti. Daripada penambahbaikan SOP ini beberapa rungutan dari penasihat program seperti kelewatan mendapat surat kelulusan dan bajet serta tempoh masa mengemaskini muatnaik pelaporan menjadikan proses pelaksanaan Program SULAM lebih lancar.

Secara keseluruhan, proses pemantauan KPK dilaksanakan secara proaktif dan terarah, dengan impak positif kepada pencapaian PI dalam bidang alumni, komuniti dan kesukarelawanan. Keputusan yang diperolehi telah membantu menstruktur semula pelaksanaan program serta meningkatkan kecekapan pengurusan dan penyampaian impak kepada kumpulan sasaran.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20251\\_Lampiran 4.4.1 Contoh tren analisis prestasi bulanan bagi PI19 dan PI80 tahun 2024.pdf](#)
2. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20252\\_Lampiran 4.4.2 Minit Mesyuarat Pengurusan Pejabat ICAN Postmortem atau plan tindakan.pdf](#)
3. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20253\\_Lampiran 4.4.3 Minit Mesyuarat Pengurusan Pejabat ICAN Bil 18\\_2023.pdf](#)
4. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20254\\_Lampiran 4.4.4 Penerima Geran Komuniti dan KTP KPK.pdf](#)
5. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC01\\_20255\\_Lampiran 4.4.5 Prosedur Pelaksanaan SULAM\\_Oct2024.pdf](#)

#### 4.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Pengurusan KPK, Koordinator ICAN dan Koordinator HEP serta Penyelaras setiap Pengajian melaksanakan analisis risiko ke atas pelaksanaan program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawanan (JAKK) secara berkala. Tujuannya adalah bagi mengenalpasti risiko yang berpotensi menjejaskan pencapaian PI dan memastikan tindakan kawalan atau mitigasi dapat dilaksanakan secara proaktif. Berdasarkan pemantauan data dan pelaporan melalui sistem SMART dan PRIME, berikut merupakan contoh risiko-risiko utama yang telah dikenalpasti dan didaftarkan di dalam Sistem Pengurusan Risiko UiTM (ERMS) ([Lampiran 4.4.6 – Pendaftaran risiko dalam Sistem ERMS](#)).

**RISIKO 1:** Kegagalan pendaftaran laporan program komuniti dan alumni dalam sistem SMART atau PRIME

**Punca Risiko:** Pengarah program tidak menyalurkan maklumat laporan secara tepat waktu atau tidak memahami tatacara pelaporan melalui sistem.

**Impak:** Program yang dijalankan gagal direkod dalam sistem, menyebabkan pencapaian PI (seperti PI075, PI076, PI180) tidak mencerminkan aktiviti sebenar dan mengganggu proses penilaian prestasi.

**RISIKO 2:** Ketidaklengkapan atau ketidakpatuhan laporan program terhadap templat piawai.

**Punca Risiko:** Kekeliruan terhadap format laporan atau ketidakpatuhan kepada SOP pelaporan.

**Impak:** Data tidak boleh digunakan untuk tujuan penilaian impak dan pemantauan CQI.

**RISIKO 3:** Kelewatan rekod atau kekurangan data sumbangan alumni

**Punca Risiko:** Tiada mekanisme pelaporan formal bagi sumbangan berbentuk kewangan atau bukan kewangan.

**Impak:** Sumbangan alumni tidak dapat direkod untuk sokongan pelaporan PI dan pemantauan impak program.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC02\\_20251\\_Lampiran 4.4.6 Sistem Pengurusan Risiko UiTM \(ERMS\).pdf](#)

#### 4.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Kajian semula dan tindakan penambahanbaikan bagi bidang tumpuan JAKK ini berlaku dalam dua peringkat. Pertama, di Mesyuarat Jawatankuasa ICAN seperti di **Lampiran 4.3.1** Minit Mesyuarat ICAN) dan kedua di Mesyuarat JKE KPK di **Lampiran 4.3.3** Minit Mesyuarat JKE KPK. Langkah-langkah mitigasi dan tindakan penambahanbaikan telah diambil berdasarkan hasil pemantauan dan pelaporan program.

Berikut merupakan kawalan risiko yang dilaksanakan berdasarkan pemantauan dan risiko yang dikenalpasti dan didaftarkan:

**RISIKO 1:** Kegagalan pendaftaran laporan program komuniti dan alumni dalam sistem SMART atau PRIME

**Kawalan Risiko:** Pewujudan jawatan Koordinator Komuniti yang bertanggungjawab untuk memantau pelaporan serta menyediakan latihan penggunaan sistem pelaporan kepada Ketua Projek.

**RISIKO 2:** Ketidaklengkapan atau ketidakpatuhan laporan program terhadap templat piawai.

**Kawalan Risiko:** Penyediaan templat laporan piawai dan taklimat kepada pengarah projek serta audit sendiri berkala oleh ICAN.

**RISIKO 3:** Kelewatan rekod atau kekurangan data sumbangan alumni

**Kawalan Risiko:** Semua sumbangan alumni disalur ke Tabung Alumni Prihatin melalui Unit Kewangan Zon 8. KPK juga mengambil inisiatif membuat promosi kepada alumni dan graduan untuk meningkatkan jumlah dana yang dikutip melalui Tabung Alumni Prihatin ([Lampiran 4.4.7 - Minit Mesyuarat Jawatankuasa Tabung Amanah Alumni Prihatin](#)). Daripada tabung ini KPK telah dapat menyediakan kemudahan bilik kuliah yang lebih selesa dan lengkap ([Lampiran 4.4.8 - Bilik kuliah sebelum dan selepas kemudahan diberi](#)).

Berikut merupakan tindakan penambahanbaikan yang dilaksanakan berdasarkan pemantauan dan risiko yang dikenalpasti dan didaftarkan:

1. Lantikan Penyelaras bagi setiap Pengajian untuk menyelaras pelaksanaan program komuniti KPK. Penyelaras setiap Pengajian membantu menyelaras dan memantau Program Komuniti yang dilaksanakan di setiap Pengajian dan melaporkan kepada Koordinator Komuniti di bawah Unit ICAN ([Lampiran 4.4.9 - Surat Lantikan Penyelaras Komuniti](#)).
2. Koordinator Komuniti dengan kerjasama Dekan Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) memastikan program bidang tumpuan JAKK dilaksanakan serta laporan lengkap program disalurkan untuk tujuan pendaftaran dalam sistem PRIME ([Lampiran 4.4.10 - emel arahan kepada pensyarah untuk mengisi Sistem PRIME](#)).
3. Dekan ICAN dan Dekan HEP memastikan program yang dilaksanakan serta laporan lengkap mengikut format yang ditetapkan ([Lampiran 4.4.11 - Contoh format pelaporan program komuniti](#)).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20251\\_Lampiran 4.4.7 Minit Mesyuarat Tabung Alumni Bil 1-2024.pdf](#)
2. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20252\\_Lampiran 4.4.8 Bilik kuliah sebelum dan selepas kemudahan diberi.pdf](#)
3. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20253\\_Lampiran 4.4.9 Surat Lantikan Penyelaras Komuniti - Dr. Izdiyar.pdf](#)
4. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20254\\_Lampiran 4.4.10 Emel arahan kepada pensyarah untuk](#)

[mengisi Sistem PRIME.pdf](#)

5. [B0081\\_A01\\_AB04\\_AC03\\_20255\\_Lampiran 4.4.11 Contoh laporan komuniti di PRIME.pdf](#)

## 4.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

KPK membudayakan amalan pengukuran, analisis dan pengurusan pengetahuan melalui penglibatan pelbagai pihak berkepentingan. Antara rakan strategik ialah Persatuan Alumni Kejuruteraan UiTM, UiTM Cawangan Pulau Pinang dan Johor, serta agensi luar seperti Petronas, Pfizer Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Jaringan ini menyokong kesinambungan dan kelestarian program melalui dana geran KTP, geran komuniti, penajaan industri, pengurusan KPK dan Tabung Amanah Am KPK..

Alumni menjadi pemangkin budaya pembelajaran melalui program Alumni Giving Back dan Route to Professional Engineer (PE) (2022–2024). Program ini memberi panduan laluan kerjaya, sokongan bimbingan insaniah, keusahawanan, serta sumbangan dana dan kepakaran. Persatuan Alumni Kejuruteraan UiTM turut menjadi rakan utama dalam penganjuran webinar kerjaya berimpak tinggi. Melalui penglibatan ini, alumni bukan sahaja menyumbang tenaga dan idea, tetapi juga dana untuk pembangunan pelajar dan program sosial. Amalan ini memperlihatkan integrasi kukuh antara akademik, alumni dan pelajar. ([Lampiran 4.5.1 Poster dan Gambar Route to PE](#)).

Pembudayaan ini dapat disebarluaskan melalui program Service Learning Malaysia – University for Society (SULAM) dan Knowledge Transfer Programme (KTP) bersama UiTM Cawangan lain. Pensyarah dan pelajar daripada Kampus Shah Alam, Pulau Pinang melaksanakan projek lestari di sekolah luar bandar seperti Be Green Outreach Program 2024. Inisiatif ini bermula semenjak 2020 dan diperkukuhkan lagi apabila empat (4) Fakulti Kejuruteraan digabungkan menjadi KPK. Selain itu, program STEM yang bermula daripada program berskala kecil di pelbagai sekolah, diangkat menjadi satu program besar diperingkat kebangsaan yang dinamakan Mega STEM4Fun yang melibatkan KPM, Pfizer, IEEE dan AR Distributor ([Lampiran 4.5.2 Dokumentasi Program MegaSTEM4Fun](#)). Staf KPK berperanan sebagai fasilitator, jurulatih dan penyelarass aktiviti interaktif. Melalui pendekatan Train-of-Trainer, guru sekolah turut dilatih agar program dapat dilaksanakan secara sendiri. Usaha ini meningkatkan literasi STEM dalam kalangan pelajar luar bandar dan B40 serta memberi impak positif terhadap peningkatan enrolmen pelajar dalam jurusan STEM di peringkat Tingkatan 4. Berdasarkan data daripada JPN Selangor, peratusan pelajar yang memilih jurusan STEM meningkat daripada 43.13% pada tahun 2020, 43.93% pada tahun 2021, dan seterusnya 45.95% pada tahun 2022.

**Selain di peringkat kampus dan kebangsaan, KPK melaksanakan program berimpak tinggi untuk komuniti.** Antaranya F1 in Schools, yang berkembang daripada fakulti ke antarabangsa melalui kerjasama dengan Tiquar Enterprise pada 2024. Sekolah angkat KPK berjaya hingga ke peringkat akhir dengan staf berperanan sebagai mentor teknikal dalam reka bentuk CAD/CAM, simulasi aerodinamik dan prototaip ([Lampiran 4.5.3 Dokumentasi Program F1 in School](#)). Selain itu, projek PRIME-CSDI (SULAM) memenangi Pingat Perak di pertandingan inovasi antarabangsa di London ([Lampiran 4.5.4 Sijil dan Gambar Silver Winner Award](#)).

Integrasi ini memberi impak besar terhadap reputasi KPK sebagai peneraju program berimpak tinggi. Kebolehpasaran graduan meningkat tiga tahun berturut-turut, melayakkan KPK menerima Anugerah Kebolehpasaran Pelajar Tertinggi ([Lampiran 4.5.5 Tren Kebolehpasaran dan Sijil Anugerah](#)). Kejayaan antarabangsa melalui SULAM dan pengiktirafan industri membuktikan keberkesanan integrasi yang menyokong SDG 4, SDG 9, serta SDG 11. Dengan liputan media, penajaan industri dan pengiktirafan kebangsaan, KPK telah membuktikan kecemerlangan integrasi yang melangkaui bilik kuliah kepada pembangunan masyarakat.

Kesimpulannya, melalui pendekatan JAKK berpaksikan quintuple-helix, KPK berjaya memperluas jaringan kerjasama, membudayakan kecemerlangan dan meningkatkan impak

sosial, sekaligus memperkuat peranan universiti sebagai pemangkin pembangunan komuniti.

**SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_A01\\_AB05\\_20251\\_4.5.1 Poster dan Gambar Program Route to PE.pdf](#)
2. [B0081\\_A01\\_AB05\\_20252\\_4.5.2 Dokumentasi Program MegaSTEM4fun.pdf](#)
3. [B0081\\_A01\\_AB05\\_20253\\_4.5.3 Dokumentasi Program F1 in School.pdf](#)
4. [B0081\\_A01\\_AB05\\_20254\\_4.5.4 Sijil dan Gambar Silver Winner Award di peringkat Antarabangsa.pdf](#)
5. [B0081\\_A01\\_AB05\\_20255\\_4.5.5 Tren Kebolehpasaran Graduan KPK dan Sijil Anugerah MeTIC.pdf](#)

## **KRITERIA 5: TUMPUAN KEPADA SUMBER MANUSIA**

### **5.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sumber manusia merupakan aset paling penting dalam memastikan kelangsungan dan kejayaan jangka panjang di KPK. Bagi memperkukuh daya saing serta meningkatkan prestasi bidang tumpuan Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK), KPK memberi fokus strategik dan berterusan kepada pembangunan sumber manusia berasaskan Model **Approach-Deployment-Learning-Integration (ADLI)**.

Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) diterajui oleh seorang Dekan dan dibantu empat (4) Koordinator iaitu Koordinator Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan MASMED. Aktiviti kesukarelawan pelajar pula dipantau oleh Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) yang diterajui oleh seorang Dekan, dua (2) Ketua serta dua (2) Koordinator. Setiap Koordinator disokong oleh empat (4) Penyelaras mewakili bidang Kejuruteraan Awam, Mekanikal, Elektrik dan Kimia. Sementara itu, Unit Pentadbiran terdiri daripada enam (6) staf termasuk Timbalan Pendaftar, Penolong Pendaftar Kanan dan tiga (3) Pembantu Tadbir Kanan. Melalui kerjasama Unit ICAN, Unit HEP dan Unit Pentadbiran, perancangan sumber manusia dilaksanakan bagi menjayakan program pembangunan komuniti dan alumni KPK.

Empat (4) kaedah utama telah dipraktikkan, iaitu:

1. **Perancangan Sumber Manusia** – memastikan tenaga kerja mencukupi, kompeten dan seiring dengan objektif serta Petunjuk Prestasi (PI) KPK.
2. **Latihan dan Pembangunan** – memperkukuh kemahiran, membangunkan laluan kerjaya serta melahirkan pemimpin masa hadapan.
3. **Pengurusan Prestasi** – menilai keberkesanan staf melalui sistem yang telus, menghubungkan prestasi dengan ganjaran, kenaikan pangkat dan latihan tambahan.
4. **Perancangan Penggantian (Succession Planning)** – mengenal pasti calon kepimpinan dan menyediakan mereka dengan latihan kepimpinan yang sesuai.

Pendekatan ini dilengkapi dengan penambahbaikan sistem latihan, penstrukturan semula laluan kerjaya, serta penerapan budaya kerja berprestasi tinggi. Kesejahteraan staf dan keseimbangan kerja–kehidupan turut diberi perhatian, di samping penggunaan teknologi dalam pengurusan bakat. Penekanan terhadap kepimpinan berwibawa, komunikasi efektif dan semangat kerja berpasukan membentuk suasana kerja positif serta inklusif. Melalui usaha ini, KPK mampu mengekalkan bakat terbaik, menarik tenaga baharu dan membina staf yang cekap, adaptif serta berdaya saing dalam merealisasikan bidang tumpuan JAKK.

KPK juga menggerakkan staf untuk memperoleh geran komuniti daripada agensi kerajaan dan swasta. Selaras dengan komponen Quadruple/Quintuple-Helix, kerjasama strategik bersama industri, alumni dan agensi kerajaan diperkukuh melalui Memorandum of Understanding (MoU) serta Memorandum of Agreement (MoA). Tenaga, kepakaran dan kewangan digembleng bagi memastikan kelestarian program komuniti, alumni dan kesukarelawan.

Pemantauan pelaksanaan sumber manusia dijalankan melalui maklum balas daripada peserta program, dari perbincangan di dalam Mesyuarat Jawatankuasa ICAN, Mesyuarat Pengurusan Aktiviti Pelajar dan Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) KPK. Penambahbaikan dilaksanakan dengan menggerakkan usaha mendapat bantuan kewangan bagi mengadakan sesi bersama warga KPK, antaranya program meningkatkan **Happiness Index**, contohnya majlis meraikan kejayaan, kenaikan pangkat dan persaraan staf.

Pembudayaan JAKK di kalangan staf dan pelajar diterjemahkan melalui pelaksanaan program komuniti dari skala kecil hingga besar yang melibatkan agensi kerajaan, alumni dan industri. Usaha ini membuktikan komitmen KPK dalam mengoptimalkan sumber manusia bagi

mempertukarkan jasanya dan mencapai kemenangan berturut-turut.

## 5.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Perancangan sumber manusia KPK bagi meningkatkan bidang tumpuan JAKK dilaksanakan melalui empat (4) kaedah utama yang berteraskan inovasi dan perkongsian pengetahuan, iaitu: (1) Perancangan Sumber Manusia, (2) Latihan dan Pembangunan, (3) Pengurusan Prestasi, dan (4) Perancangan Penggantian (Succession Planning).

### 1. Perancangan Sumber Manusia

KPK merancang tenaga kerja bagi memastikan bilangan, kemahiran dan kecekapan staf seiring dengan keperluan akademik serta strategi organisasi. Analisis dan unjuran tenaga kerja dibuat berdasarkan data semasa dan bidang tumpuan akan datang (**Lampiran 5.2.1**). Penilaian prestasi tahunan mengenal pasti jurang kemahiran staf, yang diatasi melalui latihan dalaman atau pengambilan staf baharu.

### 2. Latihan dan Pembangunan

KPK merancang program latihan untuk meningkatkan kemahiran, menyesuaikan staf dengan perubahan teknologi, serta menyokong pembangunan kerjaya dan kepimpinan masa hadapan. Pendekatan Service-Learning Malaysia – University for Society (SULAM) turut diguna pakai bagi mengintegrasikan hasil pembelajaran kursus dengan khidmat komuniti. SULAM dijadikan projek utama bagi mengoptimumkan sumber manusia dan kewangan melalui program komuniti bertaraf kebangsaan dan antarabangsa (**Lampiran 5.2.2**).

### 3. Pengurusan Prestasi

Prestasi staf dinilai dua (2) kali setahun. Sistem MyATP digunakan bagi staf akademik, manakala HR2U untuk staf pentadbiran dan teknikal. Penilaian ini menghubungkan prestasi dengan ganjaran, anugerah, kenaikan pangkat, atau latihan tambahan. Tiga medium ganjaran yang digunakan ialah: (i) anugerah pelbagai kategori di peringkat KPK (**Lampiran 5.2.2**), (ii) pengiktirafan melalui poster kejayaan, dan (iii) kenaikan pangkat staf. Pendekatan ini memastikan kepakaran dan pengalaman dimanfaatkan sepenuhnya bagi menjayakan program bidang tumpuan JAKK.

### 4. Perancangan Penggantian (Succession Planning)

KPK menubuhkan Jawatankuasa Perancangan Penggantian dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC) (**Lampiran 5.2.3**). Jawatankuasa ini mengenal pasti calon bagi jawatan pengurusan tertinggi seperti PNC, Dekan Akademik & Antarabangsa (HEA&A), Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), Dekan Penyelidikan & Inovasi (P&I), serta Dekan ICAN. Bagi peringkat pengurusan kanan, ia meliputi Ketua Pengajian dan Ketua Unit. Calon yang dikenal pasti dimajukan ke Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD) untuk mengikuti latihan kepimpinan bersesuaian.

### 5. Pengoptimuman Sumber dan Perkongsian Pengetahuan

Walaupun staf teknikal dan pentadbiran diagihkan oleh Pejabat Pendaftar, KPK menempatkan mereka berdasarkan kepakaran dan pengalaman terdahulu. Staf berpengalaman digalakkan berkongsi kepakaran dengan rakan sekerja melalui sesi penceramah jemputan (**Lampiran 5.2.4**). Selain itu, kerjasama dengan Alumni turut diperkukuh melalui sasaran 25 aktiviti Alumni (PI080) melibatkan keusahawanan dan perkongsian kepakaran, dijalankan dengan kerjasama Unit ICAN dan HEP.

Bagi kerjasama bersama Alumni KPK merancang jumlah aktiviti bersama Alumni berdasarkan sasaran yang diperturunkan oleh BTU, iaitu PI080 di mana sebanyak 25 aktiviti Alumni telah disasarkan. Bagi mencapai 25 aktiviti Alumni, Unit ICAN telah bekerjasama dengan Unit HEP supaya sumber manusia dan kewangan dapat dioptimumkan.

### 6. Pengiktirafan dan Motivasi

Bagi memberi motivasi kepada staf yang komited dalam program JAKK, KPK telah memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf KPK yang menyumbang kepada peningkatan aktiviti komuniti, memperolehi geran komuniti dan menjalani program bersama alumni. Di

camping ini, pihak lain tidak juga menyuarakan anugerah METIC sebagai insaan, kenangan dan Alumni setiap tahun. Anugerah METIC ini telah menguatkan lagi semangat staf yang ingin menjalankan program Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (**Lampiran 5.2.5**).

**SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_S01\\_SB02\\_20251\\_Lampiran 5.2.1 - Laporan Task Force.pdf](#)
2. [B0081\\_S01\\_SB02\\_20252\\_Lampiran 5.2.2 - Program SULAM Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa.pdf](#)
3. [B0081\\_S01\\_SB02\\_20253\\_Lampiran 5.2.3 - Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelan Penggantian Pentadbir Akademik KPK.pdf](#)
4. [B0081\\_S01\\_SB02\\_20254\\_Lampiran 5.2.4 - Taklimat ICAN Induk.pdf](#)
5. [B0081\\_S01\\_SB02\\_20255\\_Lampiran 5.2.5 - Penglibatan Penyelidik Dalam Projek Komuniti.pdf](#)

### 5.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

Lima (5) elemen penting digunapakai untuk mengoptimalkan kepakaran dan pengalaman sumber manusia KPK bagi menjayakan bidang tumpuan JAKK dan dihuraikan seperti berikut:

#### 1. Permohonan Geran Komuniti

Melalui perancangan strategik, KPK telah berjaya memperolehi geran komuniti dari agensi kerajaan dan swasta. Geran Komuniti amat diperlukan untuk memacu agenda universiti dalam bidang kemasyarakatan dan pembangunan komuniti setempat. Geran Komuniti ini dilaksanakan melalui Knowledge Transfer Program (KTP), Train of Trainer (ToT) dalam inovasi, perkhidmatan serta jaringan kepakaran dan pengkomersilan. Dengan adanya geran ini program komuniti, KTP, ToT bersama komuniti dapat diadakan dengan lancar. Senarai geran komuniti yang ditawarkan adalah seperti berikut (**Lampiran 5.3.1**).

#### 2. Kerjasama dengan pihak Industri dan agensi kerajaan

Bagi memenuhi komponen Quadruple/Quintuple - Helix, kerjasama strategik dengan pihak industri dan agensi kerajaan adalah satu keperluan. KPK telah mengatur strategi dengan menjemput pihak industri yang berkepentingan dan agensi kerajaan yang telah menandatangani MoU/MoA untuk terlibat sama di dalam program komuniti KPK. Lampiran 5.3.2 menyenaraikan industri dan agensi kerajaan yang mempunyai MoU/MoA dengan KPK yang terlibat dengan projek Komuniti. **Lampiran 5.3.2** juga menunjukkan gambar-gambar program komuniti yang dilaksanakan.

#### 3. Penyertaan Pertandingan Ciptaan dan Inovasi

Bagi meningkatkan ketampakan kepakaran penyelidik KPK untuk dimanfaatkan oleh komuniti, penyelidik KPK sering menyertai pertandingan ciptaan dan inovasi di peringkat kebangsaan bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) seperti Malaysia Rocket Competition 2024. Selain itu, penyelidik-penyelidik KPK sering terlibat menjadi juri dalam pertandingan inovasi yang melibatkan komuniti. **Lampiran 5.3.3** menunjukkan gambar-gambar semasa penglibatan penyelidik KPK di dalam Malaysia Rocket Competition 2024.

#### 4. Pengoptimuman kompetensi profesional dan kelayakan PhD penyelidik-penyelidik dalam mendapatkan geran dan harta intelek

KPK mempunyai ramai sumber manusia yang mempunyai kelayakan profesional dan PhD dalam pelbagai bidang kepakaran. Kedua-dua kelayakan ini dioptimumkan bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kepakaran ini dimanfaatkan untuk mendapatkan geran komuniti. **Lampiran 5.3.4** menyenaraikan sebahagian nama-nama penyelidik KPK terlibat dalam projek komuniti yang dibiayai oleh pihak industri dan Kementerian Pengajian Tinggi.

#### 5. Pengiktirafan dan Penghargaan

**Lampiran 5.3.5** menyenaraikan pensyarah/penyelidik/staf KPK yang telah menerima pengiktirafan dan penghargaan kerana terlibat dalam projek komuniti dan gambar-gambar yang berkenaan.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_S01\\_SB03\\_20251\\_Lampiran 5.3.1 - Senarai Geran Industri dan Agensi Kerajaan](#)

[yang diperolehi oleh untuk Projek Komuniti KPK.pdf](#)

2. [B0081\\_S01\\_SB03\\_20252\\_Lampiran 5.3.2 - Senarai Industri dan Agensi Kerajaan yang Terlibat dengan Projek Komuniti KPK.pdf](#)
3. [B0081\\_S01\\_SB03\\_20253\\_Lampiran 5.3.3 - Malaysia Rocket Competition 2024.pdf](#)
4. [B0081\\_S01\\_SB03\\_20254\\_Lampiran 5.3.4 - Nama-nama Penyelidik KPK.pdf](#)
- 5.

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **5.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Pembelajaran dalam urusan sumber manusia di KPK dilaksanakan melalui tiga (3) peringkat iaitu pemantauan, kajian semula dan penambahbaikan berterusan (CQI). Pendekatan ini menekankan prinsip *engagement, inclusivity, communication, accountability, integrity, empowerment, delegation* serta pengurusan risiko bagi memastikan tadbir urus yang telus dan berkesan.

Pemantauan dilaksanakan melalui penilaian kepuasan staf dan aduan berkaitan persekitaran serta sistem kerja. Sesi komunikasi dua hala antara semasa sesi soal jawab warga KPK bersama PNC menjadi platform utama libat urus dan keterangkuman dengan maklum balas diambil kira dalam tindakan pihak pengurusan (**Lampiran 5.4.1.1**). Tambahan lagi, perbincangan atas talian melalui e-mel dan WhatsApp, sesi taklimat bersama Dekan, serta program Bual Bicara turut memperkukuh komunikasi dan keterangkuman.

Selain itu, perjumpaan bersama Ketua Pengajian setiap semester membolehkan isu seperti penglibatan staf dalam **program *Be Green Outreach***, komuniti dan kesukarelawanan dibincangkan dengan jelas di Mesyuarat Pengurusan Pejabat ICAN Bil. 27 Tahun 2024 (Item G473) (**Lampiran 5.4.1.2**).

Pemantauan prestasi staf melalui sistem UiTM seperti MyATP, HR2U dan PRIME menekankan akauntabiliti serta integriti dalam penilaian. Pemantauan khusus terhadap Penasihat Program Kesukarelawanan oleh HEP pula menunjukkan aspek delegasi dan pengurusan risiko melalui penyeliaan yang berterusan (**Lampiran 5.4.1.3**). Koordinator dan Penyelaras bagi setiap Pengajian diberi tanggungjawab untuk menyelaras dan mengambil maklumbalas dari Ketua-ketua Projek JAKK. Unit ICAN memantau program bersama industri, alumni dan komuniti melalui Mesyuarat Jawatankuasa ICAN. Hasil perbincangan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif (JKE) sebagai asas pelan tindakan bersasar. Dalam konteks pemerksaan dan keterangkuman, surat penghargaan turut diberikan kepada staf yang menyumbang, sekaligus memupuk integriti serta motivasi dalam kalangan warga kerja.

Maklum balas daripada pelbagai platform dikumpulkan dan dibincangkan dalam Mesyuarat Kaji Semula Pengurusan (MKSP) seperti yang terdapat di Agenda C4 pada Minit Mesyuarat MKSP Bil. 1/2024 bertarikh 18 November 2024 (**Lampiran 5.4.1.4**).

Secara keseluruhannya, pendekatan tiga peringkat ini membolehkan KPK melaksanakan pengurusan sumber manusia secara sistematik, inklusif dan berintegriti, di samping mengutamakan komunikasi, penglibatan, kebertanggungjawaban, pemberdayaan, pendelegasian serta pengurusan risiko. Kaedah ini meningkatkan keberkesanan pelaksanaan bidang tumpuan JAKK. **Lampiran 5.4.1.5** merumuskan semua kaedah pemantauan sumber manusia di KPK.

### **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20251\\_Lampiran 5.4.1.1 - Amanat Tahun Baharu PNC KPK.pdf](#)
2. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20252\\_Lampiran 5.4.1.2 - Minit mesyuarat Pengurusan Pejabat ICAN Bil 27 tahun 2024.doc.pdf](#)
3. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20253\\_Lampiran 5.4.1.3 - Minit Mesyuarat JKPAP BIL 03.2024 KPK.pdf](#)
4. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20254\\_Lampiran 5.4.1.4 - Minit MKSP KPK Bil.1 2024.pdf](#)
5. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC01\\_20255\\_Lampiran 5.4.1.5 - Rumusan Kaedah Pemantauan Sumber Manusia KPK.pdf](#)

## 5.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

Bagi melaksanakan pengurusan risiko, KPK terlebih dahulu membuat Analisa SWOT (Kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman) (**Lampiran 5.4.2.1**). Seterusnya, pengurusan risiko dilaksanakan dalam pengurusan sumber manusia di KPK adalah seperti yang terdapat di dalam Daftar Risiko KPK 2024 (**Lampiran 5.4.2.2**). Daftar risiko berkaitan atau berpunca daripada sumber manusia dari aspek JAKK adalah seperti yang dinyatakan di bawah:

**Risiko 1:** Kurang mendapat kerjasama daripada alumni dari keempat-empat pengajian untuk tujuan akreditasi program. Hanya alumni yang sama bersedia membantu.

Tahap Risiko: Sederhana

Tindakan pencegahan:

1. Hebahan secara meluas untuk pendaftaran alumni di myALumni dan promosi Tabung Alumni Prihatin seperti acara amal golf tournament bersama Exco Persatuan Alumni dan jemputan KPK, pertemuan dengan PNC dan melalui program yang melibatkan Alumni.
2. Memastikan survey alumni tetap dijalankan untuk menampung 500 nama alumni mendaftar dengan myALumni UiTM supaya program yang dijalankan dengan menggunakan dana RM7K ICAN UiTM dapat dituntut.

**Risiko 2:** Kesukaran untuk memperolehi MoU (industri antarabangsa), MoA (industri tempatan) dan pelaporan aktiviti untuk MoU dan MoA (industri).

Tahap Risiko: Sederhana

Tindakan pencegahan:

1. Koordinator akan mengingatkan setiap PIC terlibat mengenai status aktiviti MoU/ MoA terkini pada setiap 3 bulan.
2. Koordinator perlu mengingatkan PIC terbabit untuk menaik taraf status MoU sedia ada kepada MoA

**Risiko 3:** Staf yang mempunyai masalah kesihatan dan kesihatan mental. Ini akan memberi impak kepada pencapaian KPK di samping prestasi kerja yang menurun.

Tahap Risiko: Sederhana

Tindakan pencegahan:

1. Sentiasa berhubung rapat dengan Pusat Kesihatan UiTM (Klinik Minda Sihat)
2. Melaksanakan taklimat menangani kesihatan mental (**Lampiran 5.4.2.3**).

Kesimpulannya, berdasarkan analisa risiko yang telah didaftarkan, KPK telah merancang pelaksanaan tindakan pencegahan yang bersesuaian mengikut keutamaan tahap risiko yang tertinggi.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20251\\_Lampiran 5.4.2.1 - SWOT ICAN.pdf](#)
2. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20252\\_Lampiran 5.4.2.2 - Daftar Risiko KPK 2024\\_Admin\\_ICAN.pdf](#)
3. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC02\\_20253\\_Lampiran 5.4.2.3 - Poster Kursus Pengurusan Konflik di Tempat Kerja.pdf](#)

4.

5.

### 5.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Persekitaran dan sistem kerja yang kondusif merupakan aspirasi utama setiap warga. Bagi merealisasikan hasrat ini, KPK telah melaksanakan pelbagai tindakan proaktif yang memberi impak positif terhadap kebajikan, keselamatan dan kesejahteraan warga.

Antara inisiatif kebajikan termasuk **seruan PNC untuk sumbangan kebajikan KPK**, iaitu sebanyak RM5 bagi staf akademik dan RM3 bagi staf pentadbiran. Dana ini disalurkan kepada program berbentuk hal ehwal kekeluargaan, pengisian kerohanian serta aktiviti di luar tugas hakiki yang berupaya meningkatkan **Happiness Index** staf KPK. Selain itu, **Majlis meraikan warga KPK** turut dianjurkan, antaranya meraikan kejayaan dalam Kejohanan Sukan Staf Kampus Shah Alam (SASSA), persaraan, perpindahan, perkahwinan serta kelahiran cahaya mata staf (**Lampiran 5.4.3.1**). Program ini bukan sahaja menzahirkan penghargaan malah memperkukuh hubungan silaturahim antara staf KPK.

Sementara itu, **Majlis Sambutan Hari Raya** melalui Sua Raya KPK dan Rumah Terbuka Alumni Kejuruteraan (**Lampiran 5.4.3.2**) turut menjadi wadah memupuk kerjasama warga serta meningkatkan kestabilan emosi dan semangat kekitaan. Majlis bersama alumni ini telah memperlihatkan sumbangan sebanyak RM100.00 yang telah disampaikan oleh Presiden Persatuan Alumni Kejuruteraan kepada 40 orang pelajar B40 KPK. Ini membuktikan hubungan strategik di antara KPK dan alumni telah membuahkan hasil.

Dari sudut keselamatan dan keselesaan, KPK menekankan pematuhan polisi keselamatan UiTM. **Taklimat Keselamatan KPK** dilaksanakan secara atas talian sebagai langkah meningkatkan kesedaran terhadap tanggungjawab majikan dalam melindungi keselamatan warga sepanjang berada di premis (**Lampiran 5.4.3.3**). Video keselamatan telah diedarkan kepada semua warga KPK melalui emel oleh PNC.

Selain itu, isu parkir yang sering menimbulkan rungutan telah ditangani melalui **penguatkuasaan Arahan Parkir Kenderaan**. Mesyuarat bersama pihak berkepentingan menghasilkan garis panduan parkir baharu yang menyelesaikan permasalahan berkaitan keselamatan serta pengurusan ruang di Kompleks Kejuruteraan Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (**Lampiran 5.4.3.4**).

Berdasarkan langkah penambahbaikan ini, pengurusan tertinggi KPK jelas bertindak secara proaktif dengan mengambil kira setiap maklum balas dan idea baharu daripada warga. Hebahan tindakan ini dilaksanakan semasa Minggu Akademik bagi memastikan keterbukaan komunikasi. Usaha ini membuktikan bahawa suara warga tidak pernah dipandang sepi, sekaligus meningkatkan rasa dihargai dan memperkukuh kesejahteraan organisasi. Hasilnya, **Happiness Index KPK 2024** mencatatkan peningkatan berbanding tahun 2023 (**Lampiran 5.4.3.5**).

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20251\\_Lampiran 5.4.3.1 - Sumbangan Kebajikan.pdf](#)
2. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20252\\_Lampiran 5.4.3.2 - Majlis Sua Raya & Terbuka Alumni.pdf](#)
3. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20253\\_Lampiran 5.4.3.3 - Taklimat Keselamatan.pdf](#)
4. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20254\\_Lampiran 5.4.3.4 - Arahan Parkir.pdf](#)
5. [B0081\\_S01\\_SB04\\_SC03\\_20255\\_Lampiran 5.4.3.5 - Happiness Index KPK 2024 .pdf](#)

## 5.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Merujuk kepada pencapaian dan inisiatif sehingga 2024, KPK telah mencapai tahap pembudayaan yang kukuh dalam memperkasakan JAKK. Keberkesanan tindakan penambahbaikan dapat dilihat melalui pengamalan nilai keterlibatan dan keterangkuman yang tinggi dalam setiap program, melibatkan pelajar, pensyarah, alumni, industri, dan masyarakat secara menyeluruh.

Pendekatan ini diterjemahkan melalui pelaksanaan pelbagai program berskala besar yang dijalankan secara berterusan, antaranya Mega STEM4FUN (**Lampiran 5.5.1**) dan program *Be Green Outreach* dengan tajaan PETRONAS Chemical Group (**Lampiran 5.5.2**). Program Mega STEM4FUN yang melibatkan kerjasama UiTM, Pfizer, IEEE EDS Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menggunakan konsep ToT – train of trainers, memastikan keberkesanan komunikasi antara warga pendidik UiTM dan guru sekolah dalam memupuk minat STEM. Dengan penyertaan lebih 300 sekolah, 1,000 guru, dan 12,000 murid, program ini memperlihatkan keberkesanan kerjasama dan integrasi bagi memastikan impak meluas. Sementara itu, program *Be Green Outreach* telah diperluaskan pelaksanaan melalui tujuh (7) kampus cawangan UiTM seluruh negara, yang melibatkan 18,000 pelajar dari 33 sekolah dengan kerjasama PETRONAS berjaya menanam nilai kelestarian dan meningkatkan kebertanggungjawapan warga universiti dalam mendidik masyarakat. KPK juga terlibat dalam **SULAM antarabangsa** (Azistan Foundation School, Thailand) di bawah lima (5) program yang melibatkan kepakaran dan pelajar dari Pengajian Kejuruteraan Awam, Pengajian Kejuruteraan Mekanikal, Pengajian Kejuruteraan Elektrikal dan Pengajian Kejuruteraan Kimia. Langsung dari pembudayaan khidmat komuniti, KPK telah dilantik menjadi tuan rumah kepada **penganjuran F1 in School** di peringkat antarabangsa bersama Tiquial Enterprise (**Lampiran 5.5.3**)

Dari sudut hubungan alumni, amalan pembudayaan dan perkongsian diteruskan melalui program seperti Alumni Overseas Webinar (**Lampiran 5.5.4**), SSM Talk & Registration, Route2PE, dan Industry Day. Aktiviti ini bukan sahaja meningkatkan peluang kebolehpasaran graduan, malah membina rangkaian strategik jangka panjang yang berpaksikan integriti dan pemerksaan alumni untuk berkongsi kepakaran. Route2PE misalnya, telah diiktiraf di METIC 13 sebagai kolaborasi alumni terbaik, membuktikan keberkesanan usaha ini.

Selain itu, penerbitan **Alumni Newsletter** (**Lampiran 5.5.5**) menjadi platform pelaporan bagi meningkatkan kebertanggungjawapan dan memastikan ketelusan pelaksanaan dalam setiap program. Keterlibatan industri sebanyak 21, dengan 3 daripadanya adalah industri antarabangsa iaitu ExxonMobil, Dexcom dan OCBC Bank, termasuk industri utama negara melalui **Industry Day** juga menambah nilai kepada rangkaian kolaboratif antara universiti, alumni dan industri, dengan pengurusan risiko diambil kira melalui perancangan strategik yang rapi untuk mengelakkan ketidakseimbangan manfaat dan kebergantungan.

Kesinambungan program ini membuktikan bahawa kepakaran sumber manusia KPK berjaya digemblingkan untuk memacu JAKK. Tahap pembudayaan di KPK bukan sahaja telah mantap, tetapi juga selari dengan prinsip keterlibatan, keterangkuman, komunikasi, kebertanggungjawapan, integriti, pemerksaan, dan pengurusan risiko. Keberkesanan ini jelas melalui peningkatan penyertaan komuniti dan alumni, pengiktirafan di peringkat nasional, serta permintaan berterusan untuk kolaborasi. Budaya ini telah memartabatkan peranan KPK bukan sahaja sebagai peneraju pembangunan akademik tetapi juga menjuarai penglibatan dalam pembangunan sosial yang lestari sehingga ke peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_S01\\_SB05\\_20251\\_Lampiran 5.5.1 - Mega STEM4FUN.pdf](#)
2. [B0081\\_S01\\_SB05\\_20252\\_Lampiran 5.5.2 - Be Green Outreach.pdf](#)
3. [B0081\\_S01\\_SB05\\_20253\\_Lampiran 5.5.3 - F1 in School.pdf](#)

4. [B0081\\_S01\\_SB05\\_20254\\_Lampiran 5.5.4 - Alumni Overseas Webinar.pdf](#)
5. [B0081\\_S01\\_SB05\\_20255\\_Lampiran 5.5.5 Newsletter No. 6 June 2024.pdf](#)

## **KRITERIA 6 : TUMPUAN KEPADA OPERASI**

### **6.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Pengurusan Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) sentiasa menjalin kerjasama strategik dengan pelbagai pihak termasuk alumni, industri dan komuniti melalui pelaksanaan pelbagai program. Program-program ini bertujuan memperkukuh hubungan antara KPK dan pihak luar, di samping meningkatkan penglibatan pelajar dalam aktiviti kesukarelawanan dan pembelajaran luar bilik darjah. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan program yang dirancang, pihak pengurusan KPK sentiasa menekankan kepatuhan terhadap proses dan prosedur operasi. Penekanan terhadap aspek operasi adalah sangat penting kerana pengurusan dan pentadbiran yang cekap dan efisien mampu menjamin keberkesanan setiap program yang dilaksanakan di peringkat Kolej. Perenggan yang berikut akan menjelaskan tumpuan operasi mengikut kitaran *Approach* (Perancangan/Pendekatan), *Deployment* (Perlaksanaan), *Learning* (Pembelajaran) dan *Integration* (Integrasi/Penambahbaikan) atau *ADLI*.

Perancangan program yang melibatkan Jaringan Alumni, Komuniti dan Sukarelawanan (JAKK) di KPK selaras dengan *Key Performance Indicator* (KPI) yang telah ditetapkan dalam UiTM 2025 *Strategic Plan* yang diperturunkan oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Penekanan diberikan kepada program yang melibatkan alumni bagi memperkukuh hubungan silaturahim dan menyumbang semula kepada masyarakat, sama ada di peringkat setempat mahupun antarabangsa dan selaras dengan kehendak enam (6) Tonggak Pengiktirafan Global 2024. Tonggak No.2, No.5 dan No. 6, ini menjadi rujukan KPK dalam menghasilkan pelajar bumiputra bitara, pelaksanaan hubungan bersama industri, pihak berkuasa / agensi kerajaan dan alumni bagi menyokong aspirasi UiTM ke arah kecemerlangan ***glokal dan global***. Perancangan juga termasuk memberikan kefahaman dan memupuk nilai keprihatinan dalam program JAKK dikalangan pelajar dan staf KPK. Usaha ini termasuklah penyampaian Amanat Penolong Naib Canselor 2024, mesyuarat dan sesi taklimat.

KPK melantik tiga (3) orang Koordinator iaitu Koordinator Jaringan Industri, Jaringan Komuniti dan Jaringan Alumni untuk membantu Dekan ICAN dalam melaksanakan program Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni. Manakala dua (2) orang Ketua (Ketua Kepimpinan dan Pembangunan Pelajar & Ketua Kesejahteraan dan Kebajikan Pelajar) dan (2) orang Koordinator dilantik dibawah Dekan Unit Hal Ehwal Pelajar (HEP) bagi memastikan operasi pelaksanaan program sukarelawanan berjalan dengan baik. Operasi kerja-kerja khidmat komuniti dilaksanakan mengikut SOP operasi yang ditambahbaik.

Pihak pengurusan KPK komited memantau pelaksanaan program di bawah bidang tumpuan JAKK. Pemantauan dilaksanakan melalui pelbagai medium, termasuk maklumbalas daripada pelajar, staf, alumni, komuniti, dan pihak industri. Hasil pemantauan turut dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Mesyuarat Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP) bagi aktiviti kesukarelawanan pelajar. Bagi aktiviti *engagement* bersama industri, komuniti dan alumni, ianya adalah di bawah pemantauan Unit Jaringan Industri, Komuniti dan Alumni (ICAN) KPK. Unit ICAN KPK memantau program *engagement* industri, komuniti dan alumni di bawah Mesyuarat Jawatankuasa ICAN yang dipengerusikan oleh Dekan ICAN KPK. Dekan ICAN dan Dekan HEP KPK akan membentangkan rumusan mesyuarat masing-masing di Mesyuarat Jawatankuasa Eksekutif KPK yang dipengerusikan oleh Penolong Naib Canselor (PNC).

KPK juga sentiasa mengkaji semula dan menambah baik proses operasi berdasarkan dapatan dari pembentangan Dekan HEP dan Dekan ICAN. Pihak Pengurusan KPK turut mengambil langkah proaktif menganalisa terhadap operasi sebelum maklumat tersebut dikongsikan kepada warga KPK melalui mesyuarat dan sesi taklimat. Pengurusan KPK juga mengenalpasti dan menganalisa risiko yang berkaitan dengan JAKK dan disusuli dengan tindakan penambahbaikan.

Seksyen yang berikutnya menghuraikan model ADLI yang diaplikasikan dalam pelaksanaan

bidang tumpuan JAKK.

## 6.2 PENDEKATAN (APPROACH)

Pihak Pengurusan KPK yang diketuai oleh Penolong Naib Canselor (PNC), dengan sokongan Dekan ICAN dan Dekan Hal Ehwal Pelajar (HEP), telah merancang pelaksanaan operasi bagi memastikan program jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan dilaksanakan secara teratur dan berkesan.

Perancangan awal dimulakan melalui **Bengkel Pelan Tindakan Strategik (SAP)** yang diadakan pada 26–27 Januari 2024 bertempat di ILD. Bengkel ini memberi fokus kepada empat (4) elemen utama iaitu jaringan industri, komuniti, alumni dan kesukarelawan, selaras dengan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) universiti yang digariskan dalam *UiTM 2025 Strategic Plan* oleh Bahagian Transformasi Universiti (BTU). Penekanan turut diberikan kepada penglibatan alumni bagi memperkukuh silaturahim serta menanam semangat menyumbang semula kepada masyarakat. Usaha ini adalah sejajar dengan **Tonggak (Pillars) Pengiktirafan Global 2024** (No. 2, No. 5 dan No. 6) seperti dinyatakan dalam (**Lampiran 6.2.1**).

Program di bawah **Jaringan Industri, Komuniti, Alumni dan Kesukarelawan (JAKK)** turut memupuk kefahaman serta nilai keprihatinan dalam kalangan staf dan pelajar. Pelaksanaan program ini disokong melalui Amanat PNC, mesyuarat, dan taklimat strategik yang melibatkan seluruh warga kerja KPK.

Dari segi kerjasama strategik, KPK memberi perhatian kepada peningkatan bilangan **Memorandum Persefahaman (MoU)** dan **Memorandum Perjanjian (MoA)** sebagai bukti pengukuhan jaringan. Sasaran yang ditetapkan bagi tahun semasa adalah:

- 4 MoA dengan industri tempatan,
- 7 MoU dengan industri antarabangsa,
- 7 MoU dengan universiti antarabangsa (Top 300 QS Ranking).

Bagi memastikan kelancaran proses pendaftaran MoU/MoA dalam sistem NILAMS, satu bengkel khas telah dianjurkan bagi memberi pendedahan kepada staf akademik Draf perjanjian akan disemak dan disahkan oleh Pejabat Undang-Undang (PUU), sebelum dimeterai secara rasmi bersama pihak industri (**Lampiran 6.2.2 – Gambar Bengkel NILAM dan Gambar Memeterai MoU Dengan Pihak Industri**).

Dalam konteks pembangunan pelajar dan komuniti, KPK mewajibkan pelaksanaan **projek komuniti melalui kursus SULAM** bagi pelajar Semester 7 dan 8. Kursus ini mengintegrasikan elemen akademik, komuniti dan kesukarelawan di bawah bimbingan pensyarah atau penasihat yang dilantik secara rasmi (**Lampiran 6.2.3 – Surat Lantikan Aktiviti kesukarelawan juga digerakkan secara aktif oleh kelab pelajar yang berdaftar dan Contoh Aktiviti Kelab**).

Setiap permohonan aktiviti pelajar perlu dikemukakan kepada Unit HEP untuk disemak dan diluluskan dalam **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aktiviti Pelajar (JKPAP)** bagi memastikan pelaporan aktiviti yang lengkap dan sistematik, HEP telah menyediakan (**Lampiran 6.2.4 Minit Mesyuarat JKAP dan Carta Alir Pelaporan Aktiviti**).

Dalam aspek pemindahan ilmu, KPK turut melibatkan staf dalam program **Knowledge Transfer Program (KTP)** yang ditawarkan melalui dua jenis geran: **KTP-PACE** (di bawah Hal Ehwal Akademik Induk) dan **KTP-CAP** (di bawah ICAN). Staf yang menerima geran diminta untuk berkongsi pengalaman dan kejayaan dalam sesi dalaman yang dianjurkan bagi menggalakkan lebih ramai permohonan dari warga KPK (**Lampiran 6.2.5 – Gambar Sesi Perkongsian Geran KTP**).

Pelaksanaan program komuniti di bawah **SULAM dan i-SULAM** telah dirancang seawal tahun untuk memenuhi KPI JAKK seperti yang ditetapkan oleh BTU. Perancangan menyeluruh ini, dengan kerjasama pelbagai pihak, telah membolehkan KPK melaksanakan pelbagai inisiatif jaringan dan kesukarelawan yang memberi impak positif kepada pelajar, komuniti, dan industri.

## **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_O01\\_OB02\\_20251\\_Lampiran 6.2.1 Senarai tiga Tonggak Pillars berkaitan JAKK yang didokumenkan di dalam UiTM 2025 Strategic Plan.pdf](#)
2. [B0081\\_O01\\_OB02\\_20252\\_Lampiran 6.2.2-Gambar Bengkel Nilam dan Gambar Semasa Majlis Menandatangani MoU dengan Pihak Industri.pdf](#)
3. [B0081\\_O01\\_OB02\\_20253\\_Lampiran 6.2.3 Surat Lantikan Aktiviti.pdf](#)
4. [B0081\\_O01\\_OB02\\_20254\\_Lampiran 6.2.4 Minit Mesyuarat JKAP dan Carta Alir Pelaporan Aktiviti\\_compressed.pdf](#)
5. [B0081\\_O01\\_OB02\\_20255\\_Lampiran 6.2.5 Gambar Sesi Perkongsian Geran KTP.pdf](#)

## 6.3 PERLUASAN (DEPLOYMENT)

### Pelaksanaan Program JAKK di KPK Berdasarkan Model ADLI

Pelaksanaan merujuk kepada tindakan mengaplikasikan pendekatan secara menyeluruh dan konsisten. Di KPK, pelaksanaan program di bawah Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawanan (JAKK) berpandukan model **ADLI (Approach, Deployment, Learning, Integration)**.

### Tadbir Urus dan Penyelarasan

Struktur tadbir urus JAKK diketuai oleh **PNC**, disokong oleh Dekan **ICAN** dan **HEP**. Pelaksanaan diselaras oleh **Ketua, Koordinator Komuniti, Penyelaras Pengajian**, serta **Penasihat Kelab Pelajar** yang dilantik secara rasmi (**Lampiran 6.3.1 – Surat Lantikan Penyelaras & Penasihat**). Mereka bertanggungjawab mengenal pasti peluang, merancang pelaksanaan dan memastikan pematuhan prosedur KPK dan universiti.

### Prosedur Pelaksanaan Program

Program JAKK mengikut prosedur yang ditetapkan oleh KPK serta garis panduan ICAN dan HEP Induk. Ini merangkumi:

- **Permohonan & Kelulusan:** Kertas kerja disediakan oleh Penyelaras/Penasihat dan dikemukakan kepada Dekan ICAN (industri, alumni, komuniti) atau Dekan HEP (pelajar) (**Lampiran 6.3.2 – Contoh Surat Kelulusan & Surat Lantikan**).
- **Pelaksanaan:** Aktiviti dijalankan berdasarkan objektif, lokasi dan jadual yang diluluskan.
- **Pelaporan:** Setiap aktiviti dilaporkan secara menyeluruh termasuk gambar, kehadiran, maklum balas dan penilaian impak. Carta alir disediakan sebagai panduan pelaksanaan (**Lampiran 6.3.3 – Kertas Kerja, Pelaporan Program & Borang Penilaian Aktiviti Pelajar**).

### Program SULAM dan i-SULAM

Program **SULAM** dan **i-SULAM** dilaksanakan sebagai sebahagian kursus akademik untuk menghubungkan pelajar dengan komuniti.

- **SULAM:** Dijalankan oleh pelajar Tahun 3 & Akhir (Semester 7 & 8), menggabungkan ilmu dan khidmat masyarakat.
- **i-SULAM:** Melibatkan komuniti antarabangsa melalui kerjasama institusi luar negara.

Program dirancang lebih awal melibatkan kertas kerja, permohonan peruntukan, senarai kehadiran, laporan bergambar dan analisis maklum balas. Ia menyumbang kepada pencapaian PI seperti **PI075** (projek komuniti), **PI078** (nilai sumbangan luar), dan **PI27** (i-SULAM) di bawah HEP.

### Perkongsian Kepakaran Komuniti

Pensyarah dan staf melaksanakan pemindahan ilmu melalui program seperti bengkel teknologi, seminar kejuruteraan, dan projek keusahawanan, berdasarkan keperluan komuniti dan industri. Antara program termasuk:

- *Rural Empowerment and Community HELP (ReaCH)*
  - *Akuaponik Berasaskan IoT untuk Peminat STEM*
  - *Latihan Keselamatan & Kesedaran Awal Bencana*
- (**Lampiran 6.3.4 – Pelaporan Program**)

### Sistem & Dokumen Pelaporan

KPK memperkukuh pelaksanaan dengan penggunaan sistem dan dokumen rasmi:

- **NILAMS:** Pendaftaran dan kelulusan MoU/MoA.
- **Google Form/Sheet:** Untuk permohonan dan pelaporan aktiviti.
- **Carta Alir Pelaksanaan & Pelaporan:** Panduan tindakan mengikut tempoh masa.
- **Sistem PRIME:** Pelaporan projek komuniti dan penarafan bintang (Star Rating – SR).

Bengkel dan taklimat turut diadakan bagi memastikan pelaksana memahami proses pelaporan (**Lampiran 6.3.5 – Kertas Kerja & Pelaporan Taklimat**).

### **Penglibatan Strategik**

Program JAKK diperluas melalui kerjasama pelbagai pihak:

- **Alumni:** Sebagai mentor, fasilitator dan penyumbang.
- **Industri:** Rakan kongsi dalam CSR, pemindahan teknologi dan pembelajaran sebenar.
- **Komuniti:** Sebagai penerima manfaat program pembangunan dan ilmu.

Pelaksanaan JAKK di KPK menekankan keberkesanan tadbir urus, kepatuhan prosedur dan penglibatan strategik, selaras dengan objektif universiti dalam memberi impak kepada komuniti secara mampan dan sistematik.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_O01\\_OB03\\_20251\\_Lampiran 6.3.1 Contoh Surat Lantikan Penyelaras dan Contoh Surat Lantikan Penasihat Kelab Pelajar.pdf](#)
2. [B0081\\_O01\\_OB03\\_20252\\_Lampiran 6.3.2 Contoh Surat Kelulusan Aktiviti dan Contoh Surat Lantikan PenyelarasPenasihat ProgramPenasihat Kelab Pelajar.pdf](#)
3. [B0081\\_O01\\_OB03\\_20253\\_Lampiran 6.3.3 Contoh Kertas Kerja Program Aktiviti Komuniti dan Contoh Pelaporan Program..pdf](#)
4. [B0081\\_O01\\_OB03\\_20254\\_Lampiran 6.3.4 Pelaporan Program dan Pelaporan Program.pdf](#)
5. [B0081\\_O01\\_OB03\\_20255\\_Lampiran 6.3.5 Pelaporan Program dan Kertas Kerja Permohonan mengadakan Taklimat.pdf](#)

## **PEMBELAJARAN (LEARNING)\***

### **6.4.1 PEMANTAUAN (CHECK)**

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan bidang tumpuan Jawatankuasa Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) di Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK), tiga komponen utama telah diadaptasi, iaitu **pemantauan**, **pengenalpastian risiko**, dan **penambahbaikan berterusan**.

#### **1. Pemantauan**

Pengurusan KPK komited menjalankan pemantauan rapi ke atas semua program JAKK. Pemantauan dibuat melalui dua saluran: laporan dalaman oleh jawatankuasa penganjur dan pelaporan rasmi melalui **Portal for Research and Innovation Management (PRIME)**. Sistem PRIME digunakan untuk program berasaskan komuniti yang memohon penarafan bintang (**Star Rating - SR**). Dalam sistem ini, dua peringkat pelaporan diperlukan:

- **Community Engagement (CE)**: Permohonan awal untuk kenal pasti bentuk penglibatan bersama komuniti.
- **Star Rating (SR)**: Menilai impak dan pencapaian selepas pelaksanaan.  
(*Lampiran 6.4.1.1 – Sampel tangkap layar projek komuniti dalam PRIME*)  
(*Lampiran 6.4.1.2 – Sampel projek komuniti yang mendapat SR*)

Pada tahun 2024, sembilan (9) projek komuniti berjaya memperoleh penarafan SR tiga bintang dan ke atas seperti yang dinyatakan dalam **Jadual 6.1**. Antaranya ialah:

- *Empowering Students With IoT-Driven Aquaponics System – Azizstan Foundation School, Pattani, Thailand (27–31 Mei 2024).*
- *PADI – Projek Aspirasi Desa – Komuniti Orang Asli, Bukit Tadam, Sepang (24 Mei 2024).*
- *STEM Exhibition: Explore the World! – Sek. Men. Puteri Titiwangsa, Kuala Lumpur (5 Dis 2023).*

#### **2. Pengenalpastian Risiko dan Penilaian Prestasi**

Keberkesanan program dinilai berdasarkan pencapaian terhadap indikator prestasi utama (PI):

- **PI075** – Bilangan projek komuniti
- **PI076** – Projek pemindahan ilmu (KTP)
- **PI077** – Nilai sumbangan luar
- **PI078** – Nilai sumbangan dalaman
- **PI079** – Projek bertaraf  $\geq 3$  bintang

Program yang menerima SR  $\geq 3$  bintang juga mengumpul maklum balas daripada peserta, komuniti, alumni, industri, dan penasihat program untuk dianalisa.

(*Lampiran 6.4.1.3 – Sampel maklum balas projek komuniti*)

(*Lampiran 6.4.1.4 – Sampel analisa data maklum balas*)

#### **3. Kajian Semula & Penambahbaikan**

Dapatan pemantauan dibentangkan dalam Mesyuarat HEP, ICAN, dan Jawatankuasa Eksekutif KPK. Input digunakan untuk membentuk pelan tindakan penambahbaikan yang lebih berimpak. Usaha ini bukan sahaja menjamin ketelusan pengurusan tetapi juga menyokong budaya penambahbaikan berterusan dalam pelaksanaan program berasaskan alumni, komuniti dan kesukarelawan.

## **SENARAI BUKTI:**

1. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20251\\_1. Lampiran 6.4.1.1 Sampel tangkap layar projek.pdf](#)
2. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20252\\_2. Lampiran 6.4.1.2 Sampel Projek Komuniti.pdf](#)
3. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20253\\_3. Lampiran 6.4.1.3 Sampel maklumbalas projek.pdf](#)
4. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC01\\_20254\\_4. Lampiran 6.4.1.4 Sampel analisa data.pdf](#)
- 5.

## 6.4.2 KENAL PASTI RISIKO (ACT)

KPK telah mengenal pasti beberapa risiko utama yang boleh menjejaskan keberkesanan pelaksanaan program di bawah bidang tumpuan JAKK. Antara risiko yang dikenal pasti termasuk kekangan masa dalam kalangan pelajar dan pensyarah akibat komitmen akademik dan beban kerja yang tinggi, yang boleh mengganggu proses perancangan dan pelaksanaan program secara menyeluruh. Selain itu, kekurangan penglibatan daripada komuniti sasaran, terutamanya apabila tiada kejelasan tentang peranan atau manfaat program kepada mereka, juga menjadi antara cabaran utama. Isu dokumentasi dan pelaporan yang tidak lengkap atau tidak menepati format ditetapkan turut berpotensi menjejaskan keabsahan data serta penilaian program oleh pihak universiti.

Selain itu, KPK turut mengenal pasti beberapa risiko tambahan seperti perubahan mendadak dalam tentatif program akibat faktor cuaca atau isu logistik, khususnya bagi program yang dijalankan di luar kampus atau di kawasan luar bandar. Terdapat juga risiko berkaitan ketidaksesuaian penyampaian kandungan program dengan keperluan sebenar komuniti, yang boleh mengurangkan impak dan keberkesanan intervensi. Tambahan pula, kekurangan latihan atau pendedahan dalam kalangan pelajar berkaitan etika komunikasi dan pengendalian program berasaskan komuniti juga boleh memberi kesan terhadap reputasi institusi dan hubungan jangka panjang dengan pihak luar. Di samping itu, risiko berkaitan keselamatan peserta terutama apabila melibatkan pelajar yang menjalankan aktiviti di kawasan terpencil turut diambil kira dalam proses penilaian awal.

Selain itu, sesi perbincangan berkala bersama Penasihat Kelab, Penyelaras Program serta pihak Pengurusan KPK turut diadakan bagi mengenal pasti isu-isu berbangkit secara lebih awal dan membolehkan tindakan pencegahan dilaksanakan sebelum masalah menjadi lebih besar. Proses semakan awal terhadap kertas kerja dan pelaporan juga diperketatkan untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan yang ditetapkan oleh Bahagian HEP Induk dan keperluan universiti (**Lampiran 6.4.2.1 Sampel Sesi Perbincangan Pengurusan HEP Bersama Penasihat Kelab/Persatuan Pelajar**)

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC02\\_20251\\_Lampiran 6.4.2.1 Sampel Sesi Perbincangan Pengurusan HEP Bersama Penasihat Kelab Persatuan Pelajar.pdf](#)
- 2.
- 3.
- 4.
- 5.

### 6.4.3 MENGAJAI SEMULA & TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN (ACT)

Setiap data dan maklumat yang dikumpul melalui proses pemantauan dan pelaporan program JAKK dikaji semula oleh pihak pengurusan KPK. Proses ini merangkumi penilaian terhadap keberkesanan strategi pelaksanaan, tahap penglibatan pelajar dan komuniti, kecekapan logistik, serta pencapaian indikator prestasi utama (PI) universiti. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kekuatan yang boleh diteruskan atau diperluaskan serta kelemahan yang memerlukan penambahbaikan segera.

Sebagai sebahagian daripada proses refleksi, sesi taklimat dan perbincangan diadakan bersama Penasihat Kelab, Koordinator Komuniti dan Penyelaras di peringkat pengajian. Dalam sesi ini, pelbagai input diperoleh daripada mereka bagi mengenal pasti cabaran pelaksanaan dan peluang penambahbaikan. Antara perkara yang sering dibangkitkan termasuk pengurusan masa bagi penyediaan program, keperluan memperkemas logistik (tempahan kemudahan, pengangkutan, bajet), serta strategi meningkatkan penyertaan komuniti.

Berdasarkan maklum balas yang diterima, beberapa langkah penambahbaikan telah dilaksanakan. Antaranya adalah pelantikan Penasihat Kelab yang lebih berpengalaman agar perancangan program lebih tersusun dan selari dengan keperluan semasa. KPK juga mengamalkan pendekatan berasaskan data, dengan menganalisis borang maklum balas dan laporan prestasi bagi mengenal pasti pola dan isu berulang. Data ini menjadi asas cadangan penambahbaikan dan penyediaan laporan kepada universiti serta pemegang taruh.

Antara isu utama yang dikenal pasti:

1. Kekurangan bajet.
2. Tempoh kelulusan yang terlalu lama.
3. Pertindihan masa pelajar dengan kursus lain.

Sebagai respons, tiga inisiatif utama telah dilaksanakan oleh KPK:

1. Menyediakan bajet RM5,000 bagi setiap pengajian untuk melaksanakan aktiviti SULAM. (*Lampiran 6.4.3.1 – Minit Mesyuarat berkaitan bajet projek SULAM*)
2. Mengadakan perbincangan bersama Dekan ICAN dan HEP untuk menstruktur semula tempoh penghantaran kertas kerja, kelulusan dan pelaksanaan. Penstrukturan ini diabadikan dalam bentuk SOP dan templat pelaporan yang memenuhi keperluan SR. (*Lampiran 6.4.3.2 – SOP Pelaksanaan SULAM; Lampiran 6.4.3.3 – Gambar sesi perbincangan Dekan HEP Bersama Ketua – Ketua, Koordinator dan Penyelaras Menggalakkan pelaksanaan projek SULAM pada hujung minggu bagi mengelakkan pertindihan jadual akademik.*)

Ketiga-tiga inisiatif ini berjaya mempercepatkan kelulusan, meningkatkan kefahaman pensyarah tentang pelaksanaan CE yang memenuhi syarat SR, serta menyumbang kepada kualiti program dan budaya penambahbaikan berterusan dalam kalangan staf dan pelajar KPK.

#### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20251\\_6.Lampiran 6.4.3.1 Minit Mesyuarat yang merekodkan bajet bagi projek SULAM..pdf](#)
2. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20252\\_7. Lampiran 6.4.3.2 SOP Pelaksanaan SULAM..pdf](#)
3. [B0081\\_O01\\_OB04\\_OC03\\_20253\\_Lampiran 6.4.3.3 Gambar sesi perbincangan Dekan HEP Bersama Ketua Ketua Koordinator dan Penyelaras.pdf](#)
- 4.
- 5.



## 6.5 INTEGRASI (INTEGRATION)

Penambahbaikan berterusan merupakan elemen yang signifikan dalam memastikan kelancaran pengoperasian KPK. Pengurusan KPK sentiasa memberi penekanan terhadap aspek penambahbaikan dan pembaharuan dalam bidang tumpuan JAKK bagi menjamin pengurusan operasi berjalan dengan baik.

Dalam menekankan aspek penambahbaikan, pihak KPK telah mengadakan sesi taklimat cara-cara pengisian PRIME Star Rating bagi membantu pelapor melaporkan inisiatif yang telah dijalankan. (**Lampiran 6.5.1 - Kertas kerja bengkel pengisian PRIME Star Rating**). Ini adalah bagi memberi kefahaman dengan lebih jelas berkaitan dengan proses pelaporan yang tepat. Selain itu, pihak KPK juga sentiasa mengingatkan pelapor untuk mengisi laporan mereka di dalam sistem PRIME (**Lampiran 6.5.2 - Emel kepada pensyarah memberi peringatan pengisian PRIME Star Rating**).

Selain itu, bagi meneruskan penambahbaikan dalam aspek pengurusan operasi, pihak KPK turut mengambil inisiatif pemberian sijil penghargaan melalui Anugerah Penarafan Tiga (3) Bintang dan ke atas bagi setiap pelaporan yang disediakan oleh pelapor dan penyumbang data (**Lampiran 6.5.3 – Sijil/surat penghargaan kepada pensyarah berjaya melaksanakan program JAKK yang mendapat penarafan tiga bintang dan ke atas**). Dengan inisiatif yang telah diambil oleh pihak KPK bagi menggalakkan pelaporan dibuat, motivasi pelapor dapat ditingkatkan sekaligus operasi dapat ditingkatkan bagi mencapai mutu kerja yang lebih baik dan lebih efisien.

### **SENARAI BUKTI :**

1. [B0081\\_O01\\_OB05\\_20251\\_1.\\_Lampiran 6.5.1 PRIME.pdf](#)
2. [B0081\\_O01\\_OB05\\_20252\\_2.\\_Lampiran 6.5.2 pengisian PRIME.pdf](#)
3. [B0081\\_O01\\_OB05\\_20253\\_3.Lampiran 6.5.3 Sijil surat penghargaan.pdf](#)
- 4.
- 5.

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.1 HASIL UTAMA 1**

Hasil Utama 3 merangkumi pencapaian Kriteria 3 iaitu Tumpuan Kepada Pelanggan. Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) komited memberi perkhidmatan kepada pelajar, alumni, komuniti, dan industri. Melalui jaringan alumni, komuniti dan kesukarelawan (JAKK) holistik, KPK memacu transformasi berimpak tinggi, meningkatkan keterlibatan pihak berkepentingan dan mengukuhkan hubungan strategik serta meluaskan manfaat kepada masyarakat.

#### **7.1.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Sebagai institusi berteraskan **kecemerlangan holistik**, KPK meletakkan **pelajar, alumni, komuniti, industri, agensi kerajaan dan pihak berkepentingan** sebagai fokus dalam setiap perancangan, pelaksanaan, dan penambahbaikan strategik. Pendekatan berfokus pelanggan ini memastikan visi, misi, dan inisiatif KPK dalam JAKK dilaksanakan secara berkesan dan mampan. Hubungan strategik yang terjalin memperkukuh **jenama dan tanggungjawab sosial universiti**, menjadi pemangkin kepada **penjana pendapatan alternatif**, peningkatan **nilai pembangunan** serta **kebolehpasaran pelajar**, di samping memperkukuh **reputasi** KPK dan UiTM di peringkat nasional dan global.

Komitmen KPK dalam melaksanakan program pemindahan ilmu (*Knowledge Transfer Programme* (KTP)) terserlah melalui penganjuran *UiTM Health Competition – Raising Awareness on Rare Diseases & Mental Health* dan pelancaran buku “Memperkasa Kesejahteraan Komuniti”. Inisiatif ini bukan sahaja **meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat** mengenai penyakit jarang jumpa dan kesihatan mental, malah **memperkasakan kesejahteraan komuniti secara holistik**. Melalui jaringan kerjasama antara UiTM, sektor industri dan agensi kerajaan, program ini telah **memperteguh nilai kolaborasi** serta **memperkasa kredibiliti** dalam pelaksanaan program komuniti yang inklusif, sekali gus menzahirkan fokus KPK terhadap kesejahteraan pelanggan yang terdiri daripada komuniti, industri, agensi kerajaan, alumni dan pelajar.

Selain itu Program *Rural Empowerment and Community Help* (REaCH) anjuran KPK dengan kerjasama Yayasan Telekom Malaysia (YTM) telah memberi impak tinggi kepada komuniti. Program ini telah **memperkasa serta mengukuhkan sosio-ekonomi komuniti luar bandar** melalui pelaksanaan aktiviti seperti kebun komuniti, kitar semula dan program keusahawanan. Selain **menjana pendapatan dan kelestarian komuniti**, program ini turut memberi penekanan kepada **pembangunan pengetahuan dan kesedaran** terhadap **pemuliharaan biodiversiti serta langkah mitigasi perubahan iklim**.

Program MEGA STEM4FUN merupakan program utama komuniti KPK pada tahun 2024, yang dilaksanakan dengan sokongan rakan strategik seperti Pfizer dan *IEEE Electron Devices Society* (EDS) Malaysia. Program ini telah berjaya memberi impak dalam meningkatkan kesedaran warga sekolah tentang pentingnya pengajaran dan pembelajaran STEM. Selain itu, KPK komited untuk terus memperluas jaringan kerjasama strategik di peringkat nasional dan antarabangsa. Program komuniti SULAM diperluaskan di peringkat antarabangsa iaitu i-SULAM. Ini telah meningkatkan ketampakan KPK secara khasnya dan UiTM secara umumnya dan menyumbang kepada agenda pemerkasaan global universiti.

Sepanjang 2021 hingga 2024, KPK melaksanakan 344 program komuniti dan pemindahan ilmu (KTP) di peringkat nasional dan antarabangsa, **memperoleh penajaan luar** berjumlah RM 3,937,543 serta mencapai sasaran yang ditetapkan. Program seperti *Industrial Day and Career Talk* dan *Integrated Design Project* yang melibatkan alumni dan industri memperkukuh hubungan universiti dengan pelajar serta **memberikan nilai tambah melalui perkongsian ilmu dan pengalaman sebenar industri**. Penglibatan strategik alumni, industri antarabangsa dan tempatan, komuniti, serta agensi kerajaan menghasilkan impak positif signifikan,

meningkatkan kemampuan dan tanggung jawab mahasiswa, alumni, pemerintah, agensi kerajaan dan industri, serta **meningkatkan kepercayaan dan peluang kerjasama**. Walaupun jumlah program *University Social Responsibility* (USR) dan KTP menurun pada 2024, bilangan komuniti yang menerima manfaat meningkat melalui penstrukturan semula program SULAM berskala lebih besar dan berimpak tinggi. Pelaksanaan 332 projek USR dan KTP termasuk 4 projek bertaraf 3 bintang ke atas menempatkan KPK antara penyumbang terbesar di peringkat nasional, **mengukuhkan reputasi, nilai strategik dan kecemerlangan berimpak tinggi** KPK di peringkat global.

### 7.1.2 TAHAP(Level)

BUKTI : [H1\\_B0081\\_HB02\\_20251\\_KRITERIA 7 - HASIL 1 - 7.1.2 TAHAP.pdf](#)

### 7.1.3 TREN (Trend)

BUKTI : [H1\\_B0081\\_HB03\\_20252\\_KRITERIA 7 - HASIL 1 - 7.1.3 TREN.pdf](#)

### 7.1.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)

BUKTI : [H1\\_B0081\\_HB04\\_20253\\_KRITERIA 7 - HASIL 1 - 7.1.4 PERBANDINGAN.pdf](#)

### 7.1.5 KEPENTINGAN (Importance)

BUKTI : [H1\\_B0081\\_HB05\\_20254\\_KRITERIA 7 - HASIL 1 - 7.1.5 KEPENTINGAN.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.2 HASIL UTAMA 2**

Kepimpinan strategik Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) bagi **Jaringan Alumni, Komuniti Dan Kesukarelawan (JAKK)** berteraskan nilai ESI-IDART dan pembangunan holistik pelajar. Kecemerlangan dipacu melalui program kepimpinan berstruktur, kolaborasi dengan industri, komuniti dan alumni berasaskan model Quadruple/Quintuple Helix, melahirkan graduan berintegriti, berilmu, berjiwa keusahawanan dan berdaya saing di peringkat nasional dan antarabangsa.

#### **7.2.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Perancangan KPK memainkan peranan penting dalam memperkasa pembangunan pelajar melalui JAKK menggunakan pendekatan tersusun, inklusif dan berimpak tinggi. Sepanjang tahun 2021 hingga 2024, sebanyak **974** program yang melibatkan pensyarah dan pelajar telah dilaksanakan, berfokus kepada aspek kepimpinan, kebolehpasaran graduan serta keterlibatan dalam komuniti. Penekanan terhadap pembangunan kepimpinan pelajar diterjemahkan melalui penganjuran program seperti **Professional Talk: Student Excellent and Leadership for Engineers (SELECT – Leadership Seminar), Global Engineers Leadership Exchange, Student Excellent in Leadership and Communication Technique, ASEAN Young Engineers Summit 2023: Community Enhancement Towards Global Marketable & Reowned University** dan **Global Leadership Through Volunteerism: Cultivating Academic and Social Skills in Students**. Program-program ini melatih pelajar dalam pengurusan organisasi, komunikasi berkesan dan kepimpinan berasaskan nilai ESI-IDART. Dari program program kepimpinan ini, pelajar boleh mengurus dan berkomunikasi dalam melaksanakan program bidang tumpuan dengan lebih berkesan.

KPK juga melaksanakan program **Route2PE KPK** yang melibatkan alumni dan pensyarah, sebuah inisiatif yang memupuk kepimpinan profesional di kalangan jurutera muda. Program Route2PE bukan sekadar latihan teknikal tetapi menjadi medan latihan kepimpinan profesional, memperkukuh nilai ESI-IDART, integriti, serta kebolehan berkomunikasi. Keuntungan yang dijana disalurkan untuk membiayai aktiviti kepimpinan pelajar serta mewujudkan kelestarian program kepimpinan KPK.

Sumbangan program SULAM dalam memperkasa kepimpinan komuniti amat signifikan, kerana ia secara tidak langsung membentuk nilai kepimpinan melalui penglibatan aktif pelajar dalam menyelesaikan isu komuniti dan mengamalkan tanggungjawab sosial. Projek seperti **Projek Sungai Klang: Rehabilitasi dan Edukasi Komuniti, Kempen Kesedaran Sisa Makanan dan Kompos Bandar Putrajaya, Nextgen Engineers: Empowering Communities, Bengkel Penyelenggara Kereta & Motosikal Di Kampung Kelemak, Alor Gajah, Melaka** dan **Kitar Semula Komuniti Seksyen 2 Shah Alam** melibatkan pelajar sebagai pemimpin dalam intervensi masyarakat dan pemerikasaan komuniti. Nilai tanggungjawab, integriti dan kebolehan pengurusan projek disemai melalui inisiatif-inisiatif tersebut dengan kerjasama KPK.

Buku **Citra Bitara** pula menjadi simbol visual dan naratif yang merakam impak dan pencapaian alumni cemerlang UiTM dari pelbagai fakulti. Dengan mengetengahkan kisah 25 alumni KPK yang terpilih, buku ini memperlihatkan kesinambungan kepimpinan dari seorang pelajar dan berjaya sebagai seorang profesional. Cerita kejayaan alumni yang diceritakan di dalam buku ini memberi inspirasi kepada pelajar semasa untuk menjadi pemimpin akan datang.

**Tabung Amanah KPK** turut menjadi tunjang penting dalam strategi kepimpinan KPK. Tabung Amanah KPK meluluskan peruntukan untuk membiayai program-program kepimpinan, SULAM, akitiviti alumni dan kursus profesional. Ini membuktikan komitmen KPK dalam menyediakan sokongan kewangan kukuh bagi memastikan program kepimpinan dapat dilaksanakan secara mampan. Penglibatan KPK dalam **METIC 2024** pula menunjukkan aspirasi kepimpinan di

peringkat universiti MAMPU 2021 menggariskan strategi meningkatkan integritas kepimpinan dan memberi peluang kepada pelajar mengasah kebolehan kepimpinan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Secara keseluruhannya, inisiatif yang digerakkan bagi bidang tumpuan JAKK, KPK berjaya menzahirkan ekosistem kepimpinan pelajar yang holistik dan mampan, selari dengan matlamat universiti untuk melahirkan graduan yang mempunyai kemahiran insaniah yang tinggi, bersifat keusahawanan, berpersonaliti unggul dan seimbang (*balanced*) untuk memenuhi keperluan global.

### **7.2.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H2\\_B0081\\_HB02\\_20251\\_1.Level\\_Kriteria 7\\_Hasil Utama 2\\_180825.pdf](#)

### **7.2.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H2\\_B0081\\_HB03\\_20252\\_2.Tren\\_Kriteria 7\\_Hasil Utama 2\\_180825.pdf](#)

### **7.2.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H2\\_B0081\\_HB04\\_20253\\_3.Comparison\\_Kriteria 7\\_Hasil Utama 2\\_180825.pdf](#)

### **7.2.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H2\\_B0081\\_HB05\\_20254\\_4.Importance\\_Kriteria 7\\_Hasil Utama 2\\_180825.pdf](#)

## **KRITERIA 7 : HASIL UTAMA**

### **7.3 HASIL UTAMA 3**

Hasil Utama 2 menghuraikan hasil pencapaian dari Kriteria 2 iaitu Perancangan Strategik, khusus dalam bidang komuniti dan sukarelawan. Hasil yang diketengahkan ini merangkumi pencapaian Kolej Pengajian Kejuruteraan (KPK) bagi tahun 2022 hingga 2024.

#### **7.3.1 RINGKASAN EKSEKUTIF**

Merujuk kepada Pelan Perancangan Strategik UiTM 2025, UiTM mensasarkan **matlamat strategik** untuk menjadi sebuah **Universiti Terkemuka Dunia (*Globally Renowned University* (GRU))** menjelang tahun 2025. Matlamat ini berpaksikan kepada tiga (3) **teras strategik** iaitu Pendidikan Berkualiti, Kecemerlangan Global dan Prestasi Berorientasikan Nilai. Setiap teras strategik disokong oleh beberapa **tema strategik**.

Jaringan Alumni, Komuniti dan Kesukarelawan (JAKK) merupakan hasil yang dipetakan kepada teras strategik **Kecemerlangan Global**. Bagi teras ini, matlamat UiTM adalah ke arah Penarafan *Top 300* oleh *QS World University Rankings*, 20 subjek mendapat penarafan oleh *QS World University Rankings by Subject (QS-By-Subject)* dan dua (2) Subjek Mendapat Penarafan *Top 100* oleh *QS-By-Subject* menjelang 2025. Bagi mencapai matlamat ini, UiTM bertekad untuk muncul sebagai **platform penyelidikan bertaraf dunia dengan pencapaian global portfolio penyelidik translasional, penerbitan berimpak tinggi, inovasi pintar dan kreatif serta usaha sama dengan pemegang taruh**. Strategi bagi mencapai matlamat ini telah diterjemahkan kepada beberapa petunjuk prestasi (PI) utama. Untuk mencapai sasaran berimpak tinggi, pengukuhan pakatan strategik bersama alumni, industri dan komuniti melalui perkongsian strategik dengan pemain industri terkemuka dan institusi akademik merupakan PI utama yang dinilai di bawah inisiatif utama **Tema Strategik 5** iaitu Perkongsian Pintar Industri, Komuniti & Alumni yang dipetakan kepada teras strategik **Kecemerlangan Global**.

Bagi seksyen ini, hasil utama adalah merujuk kepada pencapaian dari perancangan strategik. Pencapaian yang diketengahkan adalah merangkumi aspek **pelaksanaan aktiviti JAKK** yang dicapai dari tahun **2022 hingga 2024**. Pemilihan hasil pencapaian dari aktiviti komuniti dan sukarelawan melibatkan jaringan industri dan alumni tempatan dan antarabangsa sebagai salah satu aspek yang dianalisa adalah bertujuan untuk **menyerlahkan ketampakan usaha warga KPK dalam merealisasikan matlamat UiTM** ke arah GRU menjelang 2025.

Program seperti *Mega STEM4FUN* dan *The Be Green Outreach Program 2024*, hasil kerjasama KPK dengan Jabatan Pendidikan Negeri Selangor dan Kuala Lumpur dan *Petronas Chemicals Group Berhad* melibatkan **30,000 pelajar dari 57 sekolah di seluruh negara**. Pencapaian KPK dalam **peningkatan bilangan Knowledge Transfer Programme (KTP)** atau program pemindahan ilmu dari 75% (2022) kepada 150% (2024) menunjukkan **keupayaan KPK merancang strategi berimpak tinggi** yang selaras dengan keperluan industri dan komuniti. KPK juga mencatat **sumbangan tertinggi daripada pihak luar** untuk program *University Social Responsibility (USR)* dan KTP pada tahun 2024, menunjukkan keberkesanan perancangan strategik KPK dalam jaringan industri dan komuniti. Dari AKRI Malaysia ke *QS Reimagine Education London*, KPK terus menyerlah melalui pendekatan **SULAM** yang inovatif dan berimpak tinggi. Pada tahun 2022, inovasi bertajuk "*An Innovative Alternative Assessment for the Engineers in Society Course Integrating SULAM and Design Thinking Approaches*" (EiS-Dt) berjaya meraih **Johan Anugerah Khas YB Menteri Pengajian Tinggi (AKRI)** bagi kategori Pentaksiran Alternatif. Kejayaan ini diteruskan di pentas antarabangsa pada tahun 2024 apabila inovasi bertajuk "*Pioneering Resilient Innovative Marketable Engineers for Communities' Sustainability, Diversity, and Inclusivity*" (PRIME-CSDI) memperoleh **Pingat Perak** dalam kategori *Learning Assessment* di 11th *QS Reimagine Education Awards & Conference*, QS sekali gus mengangkat KPK ke persada global. Keseluruhan pencapaian ini menjadi pemangkin kepada kemuncak kejayaan KPK dengan **penerimaan enam (6)**

**penganugerahan berprestij dalam Anugeran Me IIG 13/2024**, seterusnya membuktikan **keberkesanan perancangan strategi KPK** dan meletakkan KPK sebagai peneraju kecemerlangan masa hadapan.

### **7.3.2 TAHAP(Level)**

BUKTI : [H3\\_B0081\\_HB02\\_20251\\_KRITERIA 7-H3\\_TAHAP\\_LEVEL\\_AKNC 2025.pdf](#)

### **7.3.3 TREN (Trend)**

BUKTI : [H3\\_B0081\\_HB03\\_20252\\_KRITERIA 7-H3\\_TREND\\_TREN\\_AKNC 2025.pdf](#)

### **7.3.4 PERBANDINGAN/TANDA ARAS (Comparison/Benchmark)**

BUKTI : [H3\\_B0081\\_HB04\\_20253\\_KRITERIA 7-H3\\_COMPARISON\\_PERBANDINGAN\\_AKNC 2025.pdf](#)

### **7.3.5 KEPENTINGAN (Importance)**

BUKTI : [H3\\_B0081\\_HB05\\_20254\\_KRITERIA 7-H3\\_IMPORTANCE\\_KEPENTINGAN\\_AKNC 2025.pdf](#)